

A **Rita Rudaini bt Mohamad @ Mokhtar v Mohamad Aidil  
Zafuan bin Abd Radzak**

B HIGH COURT (SHAH ALAM) — SUMMON NO 10300–023–0598 OF  
2013  
MAWARDI CHE MAN SHHCJ  
26 APRIL 2016

C *Islamic law — Maintenance — Maintenance of former wife — Plaintiff  
applied for maintenance for period of absence of defendant from matrimonial house  
— Whether court had jurisdiction — Whether there was arrears of plaintiff's  
maintenance — Whether defendant fulfilled maintenance to plaintiff*  
D — *Whether cost should be awarded to plaintiff*

The plaintiff and the defendant were married on 25 February 2008 and on 4  
August 2013, the defendant pronounced *talaq* via 'short message service  
(‘SMS’) to the plaintiff. During the duration of the marriage, the plaintiff and  
E the defendant were blessed with two sons. When the divorce was confirmed by  
the Syariah Lower Court of Seremban, Negeri Sembilan on 5 September 2013,  
no order for the wife's maintenance arrears was recorded. Hence, the plaintiff  
filed the present claim for an order for the plaintiff's maintenance arrears in the  
sum of RM102,000 from January 2012 to August 2013. The main issues to be  
F considered by the court were (a) whether there were arrears as to the wife's  
maintenance or otherwise; (b) whether the defendant paid the maintenance to  
the plaintiff or otherwise; and (c) whether costs awarded were warranted.

**Held**, allowing the claim with costs:

- G (1) The court was satisfied that there was no conviction of *nusyuz* on the  
plaintiff by any Syariah Courts in Malaysia. The court was also satisfied  
that whatever regarded as *nusyuz* by the defendant was a wrongful  
H assumption as it was not referred to the judge and/or the court for an  
order for the declaration of *nusyuz* against the plaintiff. Therefore, the  
plaintiff remained as wife that was never convicted for *nusyuz* and hence,  
the plaintiff was entitled to a wife's maintenance from the defendant  
during the duration of their marriage (see para 37).
- I (2) Based on five portions of the types of requirements for maintenance  
claimed by the plaintiff's in this case, the court had allowed the plaintiff's  
claim for meals costs in the sum of RM22,800, utilities costs in the  
amount of RM11,380, clothing and basic necessities in the amount of  
RM5,850 and residential costs in the amount of RM28,500 which  
totalled up to RM68,530. Next, based on the defendant's monthly salary

and possession of luxurious cars, the defendant was someone who was able to pay the maintenance of the plaintiff who was his wife (see paras 138 & 154).

- (3) The money given by the defendant in the amount of RM21,000 in January 2012 until July 2013 was used by the plaintiff for their sons and not as her maintenance. Therefore, the defendant was still liable to pay for the plaintiff's maintenance arrears in the sum of RM68,530 (see para 181).
- (4) Based on the court's decision in ruling that there were arrears for maintenance by the defendant to the plaintiff; and the fact that the plaintiff had to file this action and incur a hefty cost to engage the service of a syarie lawyer, the court held that the plaintiff ought to awarded a certain cost (see paras 187–188).

#### **[Bahasa Malaysia summary**

Plaintif dan defendan telah bernikah pada 25 Februari 2008 dan pada 4 Ogos 2013, defendan telah melafazkan cerai melalui 'short message service' ('SMS') kepada plaintiff. Sepanjang tempoh perkahwinan, plaintiff dan defendan telah dikurniakan dua cahaya mata lelaki. Ketika perceraian disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Seremban, Negeri Sembilan pada 5 September 2013, tiada perintah tunggakan nafkah isteri direkodkan. Oleh itu, plaintiff telah memfailkan tuntutan ini bagi mendapatkan suatu perintah mengenai tunggakan nafkah plaintiff sebanyak RM102,000 untuk tempoh dari Januari 2012 hingga Ogos 2013. Isu-isu utama yang diambil kira oleh mahkamah di dalam kes ini adalah: (a) sama ada wujud tunggakan terhadap nafkah isteri atau sebaliknya; (b) sama ada defendan menunaikan nafkah kepada plaintiff atau sebaliknya; dan (c) kewajaran kos 'diawardkan'.

**Diputuskan**, membenarkan tuntutan dengan kos:

- (1) Mahkamah berpuas hati bahawa tiada apa-apa sabitan nusyuz yang dikenakan ke atas plaintiff oleh mana-mana Mahkamah Syariah di Malaysia. Mahkamah juga berpuas hati dan bersetuju bahawa walau apa pun yang dilakukan oleh plaintiff yang dianggap nusyuz oleh defendan, ia adalah suatu anggapan yang salah kerana ia tidak merujuk kepada hakim dan/atau mahkamah untuk mendapatkan perintah pengisytiharan nusyuz terhadap plaintiff. Oleh itu, plaintiff kekal sebagai isteri yang tidak pernah disabitkan dengan nusyuz dan dengan itu ia telah menyebabkan plaintiff layak serta berhak untuk menerima nafkah isteri daripada defendan di dalam tempoh perkahwinan mereka (lihat perenggan 37).
- (2) Berdasarkan lima pecahan bentuk keperluan nafkah yang dituntut oleh plaintiff di dalam kes ini, mahkamah telah membenarkan tuntutan plaintiff bagi kos makan-minum berjumlah RM22,800, kos bil utiliti sebanyak RM11,380, kos pakaian dan keperluan diri sebanyak RM5,850

- A dan kos penginapan sebanyak RM28,500 yang berjumlah keseluruhan RM68,530. Seterusnya, berdasarkan jumlah pendapatan bulanan yang diterima oleh defendan setiap bulan dan dengan pemilikan kenderaan-kenderaan mewah menunjukkan bahawa
- B defendan seorang yang berkemampuan untuk menanggung nafkah plaintif sebagai isteri kepadanya (lihat perenggan 138 & 154).
- (3) Duit yang dimasukkan oleh defendan berjumlah RM21,000 dalam tempoh Januari 2012 sehingga Julai 2013 telah digunakan oleh plaintif untuk anak-anaknya dan bukan sebagai nafkah dirinya. Oleh itu,
- C defendan masih bertanggungjawab untuk membayar nafkah plaintif yang tertunggak sebanyak RM68,530 (lihat perenggan 181).
- (4) Berdasarkan keputusan mahkamah yang mensabitkan bahawa terdapat tunggakan bayaran nafkah oleh defendan kepada plaintif; dan fakta bahawa plaintif terpaksa memfailkan tindakan ini dan mengeluarkan perbelanjaan untuk mendapatkan khidmat peguam syarie, mahkamah memutuskan bahawa plaintif sewajarnya 'diawardkan' dengan suatu kos (lihat perenggan 187–188).]

E **Notes**

For cases on maintenance of former wife in general, see 8(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) paras 782–785.

**Cases referred to**

- F *Azilawati bt Jusoh lwn Norashid bin Jeran* (Kes Saman No 10300–028–0153 Tahun 2013) (unreported), HC (refd)  
*Fakhariah Lokman lwn Johari Zakaria* [2004] CLJ (Sya) (refd)  
*Juliah Abdullah lwn Omar Charles Abdullah* [2011] 1 CLJ (Sya) (refd)
- G *Linah bt Giason lwn Muhammad Fairuz bn Zainol* (Kes Saman No 10300–026–0312 Tahun 2014) (unreported), HC (refd)  
*Norizam bt Mohd Lazim lwn Halim Azman Hj Sulaiman* JH 10 (1) (refd)  
*Roslan bt Abd Ghani lwn Zulkifli* JH 6 (2) (refd)  
*Rooselawati bt Hussein lwn Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz* JH 36 (1) (refd)
- H *Shasha Farina bt Mohd Shapie lwn Mustaffa Kamal bin Basir Ahmad* (Kes Saman No 10300–023–0390 Tahun 2014) (unreported), HC (refd)  
*Siti Hasnah Jantan lwn Saharum Shariff* [2013] 1 CLJ (Sya) (refd)  
*Siti Nur Farhana Al-Akiti lwn Idral bin Hj Ariffin* (Kes Saman No 10300–025–0512 Tahun 2012) (unreported), HC (refd)
- I *Zuraidah bt Basar lwn Shamsul bin Ismail* (Kes Saman No 10300–017–0541 Tahun 2014) (unreported), HC (refd)

**Legislation referred to**

- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003ss 17 , 18 , 45, 72, 73, 74, 75, 78
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)(Pindaan) 2015 s 61
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 ss 222 ,244
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 ss 2, 4, 60, 62, 70

A

B

**Quranic verses referred to**

- Surah *al-Baqarah* 233
- Surah *an-Nisa'* 34, 58
- Surah *at-Talak* (6):7

C

**Books referred to**

- Abdul Karim Zaidan, 1995M–1415H, *Nizam Al-Qada' Fi Syari'ah Al-Islamiyyah*, Cetakan 3, Beirut Dar al-Basyir
- Abi Al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi, 1989, *Kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayah Al-Diniyyah*, Cetakan 1, Kuwait: Maktabah Dar Ibnu Qutaibah
- Abi Bakr Othman bin Muhammad Syatha Al-Damyati Al- Bakr, *I'anat Talibin*, Juzu' 4, Beirut-Lebanon: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah
- Abdul Rahman Al-Jaziri, *Al-Fiqh 'Ala Mazahaib Al-Arbaah* (terjemahan HM Yusuf Sinaga, HM Abdurrahman Saleh Siregar dan H Muhammad Zuhirsyan, *Fiqh 4 Mazhab*, 2001, Juzu' 4, Johor Bahru: Jahabersa
- Abdul Wahab Qallaf, *Al-Asbah Wa An-Nadhair Fi Qawaid Wa Furu'ie As-Syafie*, Juzu' 1, Beirut Dar Al-Kitab Al-Ilmiah
- M Hedaya, 1975, *A Commentary On the Mussulman Laws*, Terjemahan Charles Hamilton, Lahore: Premier Book House
- Mabruri Tholhah Abdul Mujieb, 1997, *Kamus Istilah Fiqh*, Kuala Lumpur: Advance Publisher
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan Ali Al-Syarbaji, 1416H–1996M, *Al-Fiqh 'Ala Mazhabi Al-Imam Al-Syafie* Jld 2, Cetakan Kedua, Damsyik: Dar al-Qalam
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan 'Ali Al-Sharbaji, 2005, *Al-Fiqh Al-Manhaji* Jld 4, Damsyiq: Matba'ah Al-Sabah
- Mohd Salleh Ahmad, 2009, *Perkahwinan dan Penceraian Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Hj Abdul Majid
- Sayyid Sabiq, 1983/1403H, *Fiqh As-Sunnah* Jld 3, Cetakan Keempat, Beirut: Dar Al-Fikr
- Sunan Al-Tarmizi* 1937 Jld 3, Cetakan 1, Beirut: Matbaah Al-Bab Al-Halabi
- Taqiyuddin Abu Bakr bin Muhammad Al-Husaini Al-Hishni Al-Dimasyqi, *Kifayatul Akhyar*, Juzu' 2, Beirut: Dar Al-Maarif
- Prof Ahmad Ibrahim *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*

D

E

F

G

H

I

- A Imam an-Nawawi, *Raudah At-Thalibin*, Juzu' 6, Beirut, Lubnan: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah  
Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim dan Salehan Ayub, *Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Jld 4, Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- B Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Al-Khatib Al-Sharbini, 2004/1425H, *Al- Iqna' Fi Hall Alfaz Abi Shuja'*, Terjemahan M Najib, Muhammad Yasin Abdullah dan Huda, 2008, *Al-Iqna'*, Pattani, Thailand : Cetakan Ben Halabi Press  
Shamsuddin Muhammad bin Muhammad Al-Khatib Al-Sharbini, 2006/1427H, *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'Rifah Ma'Ani Alfaz Al-Minhaj*, Jld 5, Kaherah: Dar Al- Hadith
- C Yusof Al-Qardawi, *Fiqh Aulawiyat*, (terjemahan oleh Ahmad Nuryadi Asmawi), 2005, *Fiqh Keutamaan: Keutamaan Tugas-Tugas Kaum Muslimin: Satu Kajian Baru Dari Perspektif Al-Quran Dan Al-Sunnah*, Batu Cave: Thinkers Library
- D Wahbah Az-Zuhaily, 2005, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 7, Terjemahan Ahmad Shahbari Salamon et al, 2005, *Fiqh & Perundangan Islam*, Jld VII, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka  
Wahbah Az-Zuhaily, 2007, *Al-Muktamad Fi Al-Fiqh As-Syafie*, Juzu'4, Damsyik: Dar Al-Qalam
- E *Mohd Zaidi bin Mohd Zain (Zaidi Zain & Assoc) for the plaintiff.*  
*Roshdan Sujak bin Rafie (Roshdan Rafie & Assoc) for the defendant.*

**Mawardi Che Man ShHCJ:**

- F ISU-ISU KES

- [1] Berdasarkan pemerhatian dan penelitian yang mahkamah lakukan terhadap kes ini, didapati wujud empat isu utama yang perlu mahkamah perlu beri ulasan di dalam membuat keputusan bagi kes ini iaitu:
- G (a) sama ada mahkamah berbidang kuasa untuk mendengar, membicara dan memutuskan kes ini;
- H (b) sama ada wujud tunggakan terhadap nafkah isteri atau sebaliknya;
- (c) sama ada D menunaikan nafkah kepada P atau sebaliknya; dan
- (d) kewajaran kos diawardkan.

*Isu pertama: bidang kuasa mahkamah*

- I [2] Tindakan di dalam kes ini adalah untuk mendapatkan tunggakan terhadap nafkah isteri. Bidang kuasa mahkamah ini terhadap tuntutan yang dibuat oleh P adalah tertakluk kepada s 61(3)(b)(iii), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)(Pindaan) 2015 ('EPAIS 2015'). Manakala

berdasarkan akuan pengesahan pemastautinan (P1), P merupakan pemastautin yang tinggal dalam Negeri Selangor dan telah memenuhi kehendak peruntukan ss 2 dan 4 EUUKIS 2003 iaitu:

A

seksyen 2: 'bermastautin' ertinya tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kawasan yang tertentu

B

seksyen 4: 'Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri Selangor dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Selangor tetapi tinggal di luar Negeri itu'.

C

[3] Peruntukan khusus berkaitan dengan nafkah isteri dan/atau tunggakan nafkah isteri dinyatakan melalui peruntukan ss 60 dan 70 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 ('EUUKIS 2003') iaitu:

D

seksyen 60 Kuasa mahkamah Memerintah Nafkah Bagi Isteri Dan Efek Nusyuz

- (1) Tertakluk kepada Hukum Syarak mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.
- (2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain:
  - (a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
  - (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
  - (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.
- (3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz.

E

F

G

seksyen 70 Menuntut Tunggakan Nafkah

- (1) Tunggakan nafkah yang tak bercagar, boleh dituntut sebagai suatu hutang daripada pihak yang mungkir itu dan, jika tunggakan itu terkumpul kena dibayar sebelum suatu perintah penerimaan dibuat terhadap pihak yang mungkir itu, tunggakan itu boleh dibuktikan dalam kebangkrapannya dan, jika tunggakan itu terkumpul kena dibayar sebelum dia mati, tunggakan itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar dari harta pusakanya.
- (2) Tunggakan nafkah yang tak bercagar yang terkumpul kena dibayar sebelum orang yang berhak kepadanya itu mati boleh dituntut sebagai suatu hutang oleh wakil diri di sisi undang-undang orang itu.

H

I

- A [4] Oleh itu, berdasarkan s 61(3)(b)(iii) EPAIS 2003 ss 2, 4, 60 dan 70 EUUKIS 2003, mahkamah berpuas hati bahawa kes ini memenuhi kehendak-kehendak statut tersebut dan memutuskan bahawa mahkamah ini berkompeten serta berbidang kuasa untuk mendengar, membicारा dan memutuskan kes ini serta perkara yang dipohon oleh P termasuk dalam perkara-perkara di bawah bidang kuasa mahkamah ini.

B

*Isu kedua: sama ada wujud tunggakan terhadap nafkah isteri atau sebaliknya*

- C [5] Sebelum menentukan sama ada wujud atau tidak tunggakan terhadap nafkah kepada P sebagai isteri D, perlu dilihat dan difahami tentang konsep nafkah isteri terlebih dahulu. Merujuk kepada *Kamus Istilah Fiqh*, hlm 23 menyatakan bahawa:

D

'nafkah' atau perkataan asalnya 'infaq' ialah pemberian seseorang sama ada berbentuk makanan, pakaian, tempat tinggal atau ketenteraman serta kesenangan hidup (nafkah batin) kepada seseorang disebabkan faktor perkahwinan, kekeluargaan dan pemilihan hamba bergantung kepada kemampuan dan kesesuaiannya. Ada lima jenis nafkah, iaitu nafkah manusia kepada dirinya sendiri, nafkah usul (ayah atau datuk) kepada furu' (anak atau cucu), nafkah furu' kepada usul, nafkah suami kepada isteri dan nafkah lain.

E

[6] Manakala menurut M Hedaya dalam bukunya *A Commentary on the Mussulman Laws*, hlm 20 menyatakan bahawa mengikut *Kamus Osborne*:

F

'nafkah' ditakrifkan sebagai 'supply of the necessaries of life for a person' iaitu 'semua perkara keperluan untuk menyara hidup seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal'.

- G [7] Dr Mustofa Al-Khin, Dr Mustafa Al-Bugho dan Ali Al-Syarbaji kitab *Al-Fiqh Manhaji 'Ala Mazhab Imam Al-Syafie* menyatakan:

H

'Asal makna nafkah ialah mengeluarkan atau menghabiskan. Perkataan nafkah (mengeluarkan dan menghabiskan hanya digunakan dengan makna yang baik sahaja. Nafkah dari segi istilah ialah semua perkara yang diperlukan oleh manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Dinamakan nafkah ialah kerana ia dikeluarkan atau dihabiskan dengan tujuan mendapatkan keperluan di atas' (*kitab Fikah Mazhab Syafie*, Penterjemah Ridzuan Hashim, Juanda jaya, Azizi Ismail, Mohd Asri Hashim dan Salehan Ayub, Jld 4, hlm 863).

I

[8] Asas kewajipan suami membiayai nafkah isteri sepertimana yang dijelaskan di dalam kitabnya *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 7, terjemahan oleh Ahmad Shahbari Salamon et al 2005, *Fiqh & Perundangan Islam* Jld VII, hlm 972–975 menyatakan bahawa:

Ahli perundangan Islam telah bersepakat tentang kewajipan membiayai nafkah bagi isteri sama ada ia Islam atau kafir dengan perkahwinan yang sah. Apabila ternyata

perkahwinan itu fasid atau batal, maka suami berhak menuntut kembali nafkah yang telah dibiayai terhadap perempuan itu.

A

Nafkah adalah wajib ke atas suami yang merdeka dan hadir. Apabila isteri menyerahkan dirinya ditiduri oleh suami sebagaimana yang seterusnya ia dilakukan, maka ia berhak ke atas suami supaya membiayai semua keperluannya daripada makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Juhur ulama selain Mazhab Hanafi berpendapat bahawa sebab wujud dan wajib nafkah ialah kerana hubungan suami isteri, iaitu keadaan (perempuan) isteri bagi lelaki. Sebab itu mereka berkata, wajib ke atas suami membiayai nafkah bagi isterinya yang dicerai dengan talak raj'i atau bain yang sedang hamil, kerana hak suami masih ada. Namun bagi perempuan yang hamil ketika dalam iddah talak bain berhak mendapat tempat tinggal di sisi Mazhab Maliki dan Syafie.

B

C

[9] Kewajipan suami memberikan nafkah kepada isteri atau isteri-isteri telah ditetapkan oleh Allah SWT sebagaimana firman Nya iaitu:

D

Maksudnya: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka ... (*An-Nisa'*: ayat 34)

E

Maksudnya: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan (*At-Talaq*:7)

F

Maksudnya: Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang makruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu menderita kesengsaraan karena anaknya dan juga seorang ayah karena anaknya, dan waris pun berkewajipan demikian ... (*Al-Baqarah*: 233)

G

[10] Menurut kitab *Al-Fiqh 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*, Jld 2, hlm 171 menjelaskan bahawa firman Allah SWT dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 233 sebagaimana berikut:

H

Maksud: 'wa al-mauludulahu' di dalam ayat tersebut adalah bermaksud suami dan dhamir pada ayat 'rizquhunna' adalah kembali kepada isteri-isteri, yang memberi makna bahawa adalah berkewajipan suami-suami memberi nafkah kepada isteri-isteri'.

I

[11] Bagi Sayyid Sabiq dalam kitab *Fiqh As-Sunnah*, Jld 3, hlm 323, menyatakan satu hadith yang diriwayatkan daripada Aisyah ra katanya:



- A** Bermaksud: Hindun bt Utbah berkata: Wahai Rasulullah, Abu Sufian adalah seorang lelaki yang bakhil dan tidak pernah memberikan aku harta yang mencukupi untuk aku dan anak aku melainkan harta yang aku ambil tanpa pengetahuannya. Rasulullah SAW bersabda: Ambillah (harta Abu Sufian) apa yang mencukupi untuk kamu dan anak-anak kamu dengan baik. Hadis ini menunjukkan wajib membiayai
- B** nafkah isteri dan ia dinilai dengan kecukupannya sebagaimana yang telah dijelaskan. Wajib ke atas bapa membiayai nafkah anak selain ibu dengan kadar yang mencukupi untuk mereka dan nafkah dengan cara yang sepatutnya. Isteri boleh mengambil sendiri nafkahnya tanpa diketahui oleh suami jika suami tidak memberi ataupun ia tidak mencukupi.
- C** [12] Merujuk kepada Dr Wahbah Az-Zuhaily di dalam kitabnya *Al-Muktamad Fi Al-Fiqh As-Syafie*, Juzu'4, hlm 276 menyatakan:
- Maksudnya: Wajib bagi seorang suami memberikan nafkah terhadap isterinya, dan itu terletak pada peringkat kedua setelah nafkah terhadap dirinya sendiri.
- D** Kewajipan memberikan nafkah tidak akan gugur kerana sebab waktu, kerana kewajipan tersebut lebih kuat daripada yang lainnya.
- [13] Jenis nafkah isteri adalah terbahagi kepada tiga iaitu makan minum isteri, pakaian isteri dan tempat tinggal isteri. Menurut Abdul Rahman Juzairi di dalam kitab *Fiqh 4 Mazhab* (juzuk 4 dan 5) menyatakan bahawa:
- Maksudnya: Nafkah isteri merangkumi tiga (3) jenis:
- (a) Makanan isteri daripada;
- F** (b) Pakaian isteri; dan
- (c) Tempat tinggalnya dan dalam perkara ini diperincikan oleh mazhab-mazhab.
- G** [14] Merujuk kepada kitab *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'Rifah Ma'Ani Alfaz Al-Minhaj*, Jld 5, hlm 150 ada menyatakan bahawa:
- Maksudnya: Hak-hak yang diwajibkan kerana hubungan pernikahan ada tujuh iaitu makanan, bumbu (barangan keperluan masakan), pakaian, alat-alat kebersihan, perabot rumah tangga, tempat tinggal dan pembantu (jika perlu).
- H** [15] Ini selari dengan keputusan kes *Roslan bt Abd Ghani lwn Zulkifli*, Jld 6 (2) hlm 338, yang mana hakim bicara telah menjelaskan:
- Nafkah adalah segala yang dibelanjakan kata nafkah hanya dipergunakan untuk kebajikan, sebab-sebab wajib nafkah ada tiga perkara iaitu disebabkan nikah, qarabah dan milik. Hak isteri dari suaminya itu ada tujuh iaitu (1) makan (2) lauk (3) pakaian (4) kebersihan (5) tempat tinggal (6) perkakas rumah tempat tinggal (7) khadam jika biasa berkhadam.
- Kesimpulannya adalah wajib suami memberi nafkah kepada isteri atau di dalam
- I**

tanggungannya sepertimana di dalam syarah kitab *Raudhab Al-Thalib* Juzu 3, Bahagian An-Nafkah ms 426. A

[16] Dr Wahbah Az-Zuhaily di dalam kitabnya *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 7, terjemahan oleh Ahmad Shahbari Salamon et al, 2005, *Fiqh & Perundangan Islam* Jld VII, hlm 963 menyatakan bahawa: B

Para fuqaha berpendapat bahawa nafkah isteri adalah wajib sekadar mencukupi keperluan untuk roti, lemak dan pakaian mengikut taraf keadaan orang yang wajib membiayai nafkah dan kadar adat kebiasaan sesebuah negeri. Sebabnya nafkah adalah wajib kerana keperluan, sedangkan keperluan dapat dipenuhi dengan cukup kadar yang diperlukan, seperti nafkah isteri. Ia adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang telah bersabda kepada Hindun, iaitu isteri Abu Sufiyah seperti yang telah disebutkan di atas. Maka kadar nafkah isteri ialah cukup setakat yang diperlukan. Oleh itu, sekiranya isteri memerlukan pembantu rumah, maka orang yang menanggung nafkah hendaklah menyediakan pembantu rumah, kerana ini juga termasuk perkara mencukupkan keperluannya. C D

[17] Berdasarkan kepada nas-nas dan dalil-dalil yang dikemukakan, dapatlah difahami bahawa nafkah isteri yang diwajibkan ke atas suami ialah makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Selain itu, nafkah isteri juga merangkumi peralatan kediaman, peralatan kebersihan, alat-alat perhiasan isteri jika suami meminta isteri berhias untuknya dan pembantu rumah sekiranya di rumah bapa isteri mempunyai Pembantu yang berkhidmat untuknya sebelum isteri bernikah dengan suami (Hj Mohd Salleh bin Hj Ahmad, *Perkahwinan dan Perceraian Dalam Islam*, Pustaka Hj Abdul Majid, 2009, hlm 66–67). E F

[18] Manakala kadar nafkah isteri itu sepertimana yang dinyatakan dalam kitab *Kifayah Al-Akhyar*, Juzu'2, hlm 89 iaitu: G

Maksudnya: Memberi belanja nafkah kepada isteri yang taat (yang menyerahkan dirinya kepada suaminya) adalah wajib, dan ianya mengikut kadar nilai berikut: apabila si suami kaya diberikan sebanyak dua mud *makanan* yang biasa di makan *dan lauk pauk* serta *pakaian* menurut kebiasaan. Dan kalau suami miskin, nafkah isteri ialah satu mud makanan dan lauk yang biasa dimakan serta pakaian yang biasa mereka pakai. Jika suami dari golongan menengah, kadar nafkah isteri ialah satu setengah mud makanan dan lauk pauk serta pakaian juga menurut kebiasaan golongan menengah. H

[19] Penentuan kadar nafkah isteri adalah didasari kepada kemampuan suami sebagai pemberi nafkah dan juga bergantung kepada keperluan isteri sebagai penerima nafkah. Ini bersesuaian dengan pandangan syarak sebagaimana yang dirujuk di dalam kitab *Al-Fiqh Al-Manhaji* yang diterjemahkan sebagai kitab *Fikah Mazhab Syafie* Jld 4, hlm 941 iaitu: I

A Nafkah yang mesti diberikan kepada isteri mempunyai kadar tertentu. Walau bagaimanapun, jumlah dan jenisnya berbeza berdasarkan kemampuan suami.

[20] Ini bermakna walau apapun keperluan penerima nafkah, jumlah nafkah yang diminta harus diukur dan disandarkan kepada pendapatan pemberi nafkah tersebut dengan mengambil kira kemampuan pemberi nafkah (suami). Ini bersandarkan kepada s 62 EUUKIS 2003 yang memperuntukkan:

C Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

D [21] Sebelum dapat menilai tuntutan P, maka tuntutan yang dikemukakan perlu dibuktikan oleh P dan D sendiri. Beban pembuktian adalah merujuk kepada beban membuktikan kes dan beban mengemukakan keterangan. Perkara ini telah dijelaskan melalui satu kes tuntutan harta yang telah dibawa ke hadapan Rasulullah SAW, sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh 'Alaqamah bin Wa-il bin Hujr daripada bapanya yang berkata, sebagaimana yang dimuatkan di dalam *Sunan Al-Tarmizi*, Jld 3, hlm 625 seperti berikut:

E Yang bermaksud: Seseorang lelaki dari Hadramaut dan seorang lelaki dari Kindah telah datang menemui Rasulullah SAW, lalu lelaki Hadramaut berkata: 'Wahai Rasul, sesungguhnya lelaki ini (lelaki dari Kindah ini) telah mengambil tanah kepunyaan saya' Kemudian lelaki dari Kindah itu berkata: 'Tanah itu adalah kepunyaan saya dan dia tidak berhak ke atas tanah itu'. Rasulullah SAW bertanya kepada lelaki Hadramaut: 'Adakah kamu mempunyai bukti?' Lelaki Hadramaut menjawab: 'Tidak'. Rasulullah SAW bersabda kepada lelaki Kindah: 'Kamu mesti bersumpah'. Mendengar sabda Rasulullah SAW itu lantas lelaki Hadramaut berkata: 'Wahai Rasulullah, sesungguhnya lelaki dari Kindah ini buruk perangainya, dia tidak bertanggungjawab atas perkara yang disumpahkannya dan dia juga tidak menjaga dirinya dari sesuatu perkara'. Lalu Rasulullah SAW bersabda: 'Kamu tiada pilihan melainkan melalui cara sedemikian'.

[22] Perkara ini selari dengan *kaedah fiqh* yang berbunyi:

H Maksudnya: Keterangan atas yang mendakwa dan sumpah atas yang engkar.

I [23] Mahkamah tidak bergantung pada pihak-pihak yang dinamakan dalam kes ini sebagai P dan D untuk menentukan ke atas siapa terletaknya beban pembuktian sesuatu fakta kerana penentuan beban pembuktian tersebut boleh ditentukan dengan memahami takrif *mudda'i* dan *al-mudda'a alaih* yang disebut dalam hadis berkenaan. Dr Abdul Karim Zaidan dalam kitabnya *Nizam Al-Qada' Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah*, hlm 103–106 menjelaskan bahawa:

Maksudnya: Cara yang boleh menentukan siapa mudda'i dan siapa pula al-mudda'alaih adalah dengan mengetahui perbezaan antara keduanya. Sekali imbas perbezaan antara keduanya tidak begitu jelas dan tidak ketara kerana bukanlah semua orang yang menuntut (Plaintif) adalah mudda'i dan bukan semua orang yang kena tuntutan itu (Defendan) adalah al-mudda'alaih. Kerana itu para fuqaha telah memasukkan dalam takrif mereka beberapa ciri yang dapat membezakan antara keduanya.

A

Maksudnya:

- (1) Mudda'i ialah seseorang yang mendakwa sesuatu perkara yang tersembunyi, al-mudda'alaih pula adalah orang yang mendakwa sesuatu yang zahir lagi jelas.
- (2) Mudda'i ialah orang yang kata-katanya menyalahi asal atau adat kebiasaan (urf) manakala al-mudda'alaih pula orang yang kata-katanya menepati asal atau urf.

B

C

[24] Takrif ini adalah selari dengan takrif yang diberikan oleh Mazhab Syafie, sebagaimana yang disebut di dalam kitab *Mughni Muhtaj Ila Marifah Ma'ani Alfaz Al-Manhaj*, Jld 6, hlm 421 yang menyatakan:

D

Maksudnya: Mengikut pendapat al-azhar, mudda'i ialah orang yang kata-katanya menyalahi zahir sesuatu perkara, manakala orang yang didakwa (mudda'alaih) ialah orang yang kata-katanya menepati zahir sesuatu perkara.

E

[25] Mengikut *kaedah fiqh* adalah seperti yang dinyatakan oleh Al-Zarqa' dalam kitabnya *Sharh Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*, hlm 117 dan Abdul Wahab Qallaf dalam kitabnya *Al-Asbah Wa Al-Nadhair Fi Qawaid Wa Furu'ie Al-Syafie*, Juzu' 1, hlm 51 menyatakan bahawa:

F

Maksudnya: Asal itu tidak ada atau asal pada perkara yang baru muncul atau yang mendatang itu tidak ada.

Maksudnya: Asal sesuatu itu tiada.

G

Maksudnya: Asal sesuatu itu kekal keadaannya sebagaimana yang asal.

[26] Oleh kerana asal kepada sesuatu atau yang mendatang itu tiada maka secara zahirnya D pada asalnya tidak memberi nafkah kepada isterinya dan D hendaklah membuktikan bahawa dia telah menunaikan tanggungjawabnya dengan memberi nafkah kepada isterinya berdasarkan kepada salah satu daripada kaedah fiqh telah disepakati oleh ulama tersebut. Berdasarkan kitab *I'anat At-Talibin*, karangan Abi Bakr Othman bin Muhammad Syatha Al-Damyati Al-Bakr, Juzu' 4, hlm 60–61 menyatakan:

H

Diterima dakwaan isteri di dalam situasi kedua-dua suami isteri tinggal bersama dan suami mendakwa isterinya itu nusyuz dan isteri pula mendakwa sebaliknya atau suami mendakwa ia memberi nafkah tetapi dinafikan oleh isteri kerana pada asalnya isteri tidak nusyuz dan pada asalnya nafkah tidak diberi.

I

- A** [27] Merujuk kepada kes *Siti Hasnah Jantan lwn Saharum Shariff* [2013] 1 CLJ (Sya), hlm 187 hakim telah merujuk kitab *Al-Asbah Wa Al-Nadhair Fi Qawaid Wa Furu'ie Al-Syafie*, karangan Imam as-Suyuti yang menyebut bahawa:
- B** Sepasang suami isteri yang telah lama hidup bersama, kemudian isteri mendakwa bahawa suaminya tidak memberinya pakaian dan nafkah, maka dakwaan isteri diterima. Ini kerana, pada asalnya, kedua-duanya (pakaian dan nafkah) masih dalam tanggungan suami, dakwaan tidak memberi nafkah dan pakaian adalah diyakini.
- C** [28] Beban membuktikan di dalam peruntukan undang-undang merujuk kepada beban membuktikan fakta atau kes. Beban pembuktian ini terletak ke atas pihak-pihak yang inginkan mahkamah memberi penghakiman ke atas apa-apa hak atau liabiliti sepertimana mengikut fakta-fakta yang ditegaskan olehnya. Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (EKMS 2003) dan boleh dibaca bersama dengan s 73 dan 74 EKMS 2003 menyatakan:
- E** seksyen 72 — Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda'ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Muda'a 'alaih).
- seksyen 73 —
- F** (1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.
- (2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta,
- G** maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu
- seksyen 74 — Beban membuktikan dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang akan gagal tiada apa-apa keterangan langsung diberikan oleh mana-mana pihak.
- H** [29] Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam D bahawa ia juga selari dengan peruntukan s 75 EKMS 2003 yang menyebut:
- Beban membuktikan tentang apa-apa fakta tertentu terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu.
- I** [30] Selain itu, hanya P dan D sahaja secara prinsipnya mengetahui berkaitan penyediaan dan pemberian nafkah kepada P. Oleh itu, pengetahuan khusus ini perlu dibuktikan oleh pihak-pihak yang mengetahuinya berdasarkan peruntukan s 78 EKMS 2003 yang menyatakan:

Apabila mana-mana fakta diketahui secara khusus oleh mana-mana orang, maka beban membuktikan fakta itu terletak padanya.

A

[31] Justeru itu secara khususnya di dalam soal sama ada nafkah terhadap isteri telah diberikan oleh D, maka D menanggung beban pembuktian kerana mengatakan sesuatu yang berlawanan dengan asal atau zahir iaitu pada asalnya nafkah tersebut tidak diberi. P termasuk dalam takrif *mudda'a alaih* dalam isu ini, manakala D adalah *mudda'i*. Oleh itu, berdasarkan rujukan yang dikemukakan, D di dalam kes ini adalah orang yang memegang beban pembuktian bagi membuktikan bahawa nafkah terhadap isterinya telah diberikan.

B

C

[32] Sebelum penilaian sama ada berlaku atau tidak tunggakan nafkah terhadap P, maka perlu dipastikan terlebih dahulu sama ada P adalah dikategorikan dan disabitkan sebagai seorang isteri yang *nusyuz* atau sebaliknya. Perkara ini sangat penting untuk dikenalpasti terlebih dahulu kerana ia memberi kesan bahawa P tidak layak menuntut nafkah dirinya daripada D sekiranya beliau telah disabitkan atau tidak sebagai isteri yang *nusyuz* oleh mana-mana Mahkamah Syariah. Perkara ini dijelaskan di dalam peruntukan s 60 (2) dan (3) EUUKIS 2003 yang menyatakan:

D

E

(2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia *nusyuz* atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain —

F

- (a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
- (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
- (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.

G

(3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi *nusyuz*.

H

[33] P di dalam keterangan utamanya menyatakan bahawa beliau tidak pernah disabitkan *nusyuz* oleh mana-mana mahkamah di Malaysia. Semasa disoal balas, P bersetuju bahawa D pernah memfailkan kes *nusyuz* dan tuntutan kembali taat kepadanya tetapi kes tersebut tidak diteruskan oleh P. D di dalam keterangannya menyatakan bahawa walaupun P tidak pernah disabitkan dengan kesalahan *nusyuz* dari sudut undang-undang, namun P dalam tempoh perkahwinan merupakan isteri yang *nusyuz* dari sudut hukum Syarak. P gagal mentaati dan menuruti kemahuan D sebagai suami yang sah.

I

- A Semasa disoal balas, D menyatakan bahawa beliau tidak mendapatkan perintah Mahkamah Syariah tentang *nusyuz* dan P tidak pernah disabitkan dengan kesalahan *nusyuz*. SD1 menyatakan bahawa P seorang isteri yang tidak layak mendapatkan nafkah dari D kerana dari hukum Syarak P adalah seorang isteri yang *nusyuz*. Semasa disoal balas, SD1 pula tidak dapat memastikan sama ada P disabitkan *nusyuz* atau tidak oleh mahkamah.
- B

- [34] Peguam P menghujahkan bahawa P tidak pernah menjauhkan diri daripada suaminya atau meninggalkan rumah kelamin mereka di Challis Damansara bahkan D yang keluar daripada rumah kelamin tanpa pengetahuan P dengan membawa semua barang-barangnya ketika P tiada di rumah sebagaimana kenyataannya semasa sesi soal balas. Alasan yang digunakan oleh P bahawa P enggan untuk mengikut D berpindah adalah tidak munasabah kerana semasa D meninggalkan rumah, D tidak pernah memberikan atau meninggalkan alamat rumah baru tersebut kepada P dan D keluar dari rumah kelamin tanpa perbincangan dan pengetahuan P sebagaimana yang telah dihujahkan sebelum ini. Video yang dikemukakan dalam bentuk cakera padat (CD) oleh D dalam ikatan dokumen defendan yang ditanda sebagai IDD3 berkenaan dakwaan D yang menyatakan bahawa P mengetahui defendan menyediakan rumah di USJ One Avenue adalah tidak wajar diterima oleh mahkamah yang mulia ini. peguam P menghujahkan bahawa kenyataan P dalam rakaman tersebut sama sekali tidak menunjukkan yang P tahu di mana alamat sebenar tempat tinggal baru D sebagaimana kenyataan D sendiri semasa sesi soal balas, bahawa beliau tidak pernah langsung memberikan alamat tersebut kepada P.
- C
- D
- E
- F

[35] Peguam P merujuk kepada kes *Rooselawati bt Hussein lwn Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz* JH 36 (1) yang menyatakan bahawa:

- G Anggapan seseorang suami bahawa isterinya telah nusyuz boleh dipatahkan sekiranya tidak ada sebarang pengisytiharan dibuat oleh mana-mana mahkamah Syariah di Malaysia. Berdasarkan s 59 (2) Akta 303 ia jelas menunjukkan bahawa pengesahan atau pengisytiharan mahkamah iaitu mahkamah Syariah bahawa seseorang isteri telah nusyuz diperlukan untuk mensabitkan isteri tersebut nusyuz dan tidak layak mendapat nafkah eddah atau pemberian selepas penceraian atau mut'ah. Pengesahan tersebut diperlukan kerana mahkamah perlu mendengar keterangan kedua-dua belah pihak dan menentukan sama ada ketidakpatuhan isteri kepada perintah suami atau keluar daripada rumah suami tanpa izin atau apa-apa perkara nusyuz dengan alasan yang dibolehkan oleh Hukum Syarak atau tidak. Ini kerana, kemungkinan isteri tidak patuh kepada arahan suami yang bertentangan dengan Hukum Syarak seperti suami mengarahkan isteri menjadi pelacur, membuka aurat, menghalang isteri bersolat, mengelak daripada didera dan lain-lain. Oleh itu, para suami tidak boleh melabelkan isteri sebagai nusyuz sebelum mana-mana mahkamah Syariah yang berbidangkuasa mengeluarkan pengisytiharan nusyuz.
- H
- I

Ini bermakna, walau apajua perkara yang dilakukan oleh isteri dianggap nusyuz oleh suami, ia adalah anggapan yang salah, maka suami perlu merujuk kepada Hakim terlebih dahulu untuk mendapatkan perintah atau pengisytiharan nusyuz tersebut. Untuk itu, sekiranya tidak ada pengesahan daripada mana-mana mahkamah Syariah bahawa seseorang isteri itu nusyuz, maka beliau berhak untuk mendapat nafkah eddah dan mut'ah.

A

B

[36] Peguam P juga merujuk kepada kes *Fakhariah Lokman lwn Johari Zakaria* [2004] CLJ (Sya), di mana defendan (suami) mendakwa bahawa plaintif isteri tidak berhak untuk mendapat nafkah disebabkan isteri telah *nusyuz* kerana telah keluar rumah dan meneruskan pelajaran di Amerika Syarikat tanpa keharusan Syarak atau izin suami. Walau bagaimanapun, YAA hakim mengulas dan membuat keputusan bahawa:

C

Walaupun mahkamah mungkin perlu memutuskan dahulu bahawa seseorang isteri itu tidak nusyuz sebelum berhak mendapat nafkah, suami tidak pernah memohon perintah dari mahkamah bahawa isterinya telah nusyuz. Keterangan yang diberi dalam kes ini menunjukkan sungguhpun isteri itu tidak lagi tinggal bersama suami selepas 25 November 1986, suami tidak pernah membuat apa-apa aduan kepada mahkamah bahawa isterinya nusyuz dan tidak mengambil langkah untuk mendapat perintah nusyuz dari mahkamah. Kami berpendapat, jika suami itu betul-betul ingin isterinya balik tinggal dengannya dia seharusnya berusaha supaya perkara itu dapat diselesaikan di luar atau di hadapan mahkamah.

D

E

[37] Mahkamah — Berdasarkan keterangan pihak-pihak, mahkamah berpuas hati bahawa tiada sebarang sabitan *nusyuz* yang dikenakan ke atas P oleh mana-mana Mahkamah Syariah di Malaysia. mahkamah juga berpuas hati dan bersetuju dengan dua rujukan kes yang dikemukakan oleh Peguam P bahawa walau apapun yang dilakukan oleh P yang dianggap *nusyuz* oleh D, ia adalah suatu anggapan yang salah kerana ia tidak merujuk kepada hakim dan/atau mahkamah untuk mendapatkan perintah pengisytiharan *nusyuz* terhadap P. Oleh itu, P kekal sebagai isteri yang tidak pernah disabitkan dengan *nusyuz* dan dengan itu ia telah menyebabkan P layak serta berhak untuk menerima nafkah isteri daripada D di dalam tempoh perkahwinan mereka.

F

G

[38] Merujuk kes *Norizam bt Mohd Lazim lwn Halim Azman Hj Sulaiman* JH 10 (1), hlm 65 YAA Kadi Besar di dalam kes tersebut menyatakan seperti berikut:

H

Berdasarkan kepada fakta ini dan juga pendapat para fuqaha' seperti yang dijelaskan di atas maka perbelanjaan atau nafkah yang tidak ditunaikan oleh Defendan adalah menjadi hutang ke atasnya. Sebaliknya kalau segala perbelanjaan makan minum dan lain-lainnya dibelanjakan suami dan isteri makan bersama-sama dengan suami seperti adat kebiasaan dan isteri redha dengan keadaan itu maka gugurlah nafkahnya. Beliau merujuk *Fathu Al Wahhab Bisyarbi Manhaj Al Tullab*, Juz' 2 muka surat 116 menyatakan:

I



A Maksudnya: dan gugur nafkahnya dengan ia makan bersamanya (suami) dengan redhanya (isteri) seperti adat biasa dan ia telah matang ...

B [39] Berdasarkan kes tersebut, mahkamah juga berpuas hati bahawa dengan pemfailan kes tuntutan nafkah ini jelas menunjukkan bahawa P tidak meredhai nafkahnya diabaikan dan/atau dicuaikan oleh D.

C [40] Bagi menilai sama ada wujud atau tidak tunggakan kepada nafkah P, maka terdapat dua perkara yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah iaitu:

- (a) bentuk keperluan nafkah P; dan
- (b) kemampuan D.

Bentuk keperluan nafkah P

D [41] Bagi kes ini, P di dalam pernyataan tuntutananya menuntut nafkah tertunggaknya selama tempoh 20 bulan sejak D keluar dari rumah kelamin bermula Januari 2012 sehingga berlakunya penceraian pada bulan Ogos 2013. Terdapat lima pecahan bentuk nafkah yang dituntut oleh P beserta jumlah amaunnya selama tempoh masa tersebut iaitu:

Bil.	Perbelanjaan	Harga x 20 bulan (Purata)	Jumlah
1.	Makan-minum	RM1,500 x 20 bulan	RM30,000
2.	Bil-bil utiliti	RM600 x 20 bulan	RM12,000
3.	Pakaian dan keperluan diri	RM500 x 20 bulan	RM10,000
4.	Kos pengangkutan	RM1,000 x 20 bulan	RM20,000
5.	Sewa rumah (3,000/2= RM1,500)	RM1,500 x 20 bulan	RM30,000
		<b>JUMLAH</b>	<b>RM102,000</b>

H [42] Berdasarkan jadual di atas, mahkamah dapati bahawa P menuntut nafkah bagi dirinya setiap bulan adalah berjumlah *RM5,100* iaitu makan minum RM1,500, bil-bil utiliti berjumlah RM500, pakaian dan keperluan diri RM500, kos pengangkutan RM1,000 dan sewa rumah berjumlah RM1,500. P telah memberikan pecahan bentuk keperluan nafkahnya yang menjadi asas tuntutan di dalam kes ini tanpa menyatakan bahawa pecahan itu sama ada suatu keperluan *dharuriyyat*, *hajjiyyat* atau *tabsiniyyat* kepada nafkah P. Adalah menjadi bebanan P bagi membuktikan keperluan pecahan nafkah ni serta kewajaran amaun yang dituntutnya. Kesemua bentuk keperluan nafkah P ini mestilah dilandaskan dengan kemampuan dan keupayaan D sebagai suami P. Mahkamah merujuk kepada kitab *Fiqh Al-Aulawiyat* oleh Prof Dr Yusof al-Qardawi (terjemahan oleh Ahmad Nuryadi Asmawi) di hlm 26 menyebutkan:

I

masalahat manusia terbahagi kepada 3 peringkat; *Pertama; al-daruriyyat* iaitu perkara yang dharuri/mutlak diperlukan untuk kehidupan manusia, *Kedua; al-Hajjiyyat* iaitu perkara yang apabila ianya tidak ada maka kehidupan manusia akan menjadi sangat susah dan *Ketiga; al-Tahsiniyyat* iaitu perkara pelengkap yang menjadi hiasan tambahan di dalam kehidupan dan deengan kewujudannya maka kehidupan manusia akan menjadi lebih sempurna. Dengan yang demikian, Fiqh Pertimbangan dan Fiqh Keutamaan menuntut kita untuk mendahulukan perkara-perkara yang termasuk di dalam al-daruriyat ke atas perkara-perkara yang termasuk ke dalam perkara hajiyyat dan tahsiniat. Kita juga dituntut mengutamakan perkara hajiyyat ke atas perkara tahsiniat ataupun yang bersifat pelengkap dan penyempurna sahaja.

A

B

C

[43] Memandangkan P dan D telah berkahwin sejak 25 Februari 2008 dan hanya dihujung perkahwinan mereka sahaja iaitu lebih kurang 20 bulan, P dan D tinggal berasingan sebelum disahkan bercerai di luar mahkamah pada 4 Ogos 2013, maka terdapat tiga perkara yang perlu diberi perhatian mahkamah iaitu:

D

- (a) tempoh tuntutan tunggakan nafkah yang wajar dinilai adalah dari Januari 2012 sehingga Julai 2013 iaitu 19 bulan sahaja memandangkan mulai 4 Ogos 2013, P dan D telah disahkan bercerai. Sebarang tuntutan bermula 4 Ogos 2013 dikategorikan sebagai tuntutan nafkah iddah semata-mata. Bagi kes ini P hanya membuat tuntutan mengenai nafkah P yang tertunggak dalam tempoh perkahwinan sahaja tanpa melibatkan nafkah iddah P. Oleh itu, penilaian dan pertimbangan mahkamah hanya kepada nafkah tertunggak P dalam tempoh perkahwinan sahaja;
- (b) walaupun di dalam sesuatu tuntutan tentang nafkah isteri, pihak suami atau bekas suami kebiasaannya menjadi *mudda'i*, tetapi P masih bertanggungjawab membuktikan jumlah amaun yang dituntutnya bagi setiap pecahan nafkah tersebut disebabkan perkara yang dituntut tersebut telah berlalu masa dan telah dilakukan serta dialami oleh P sendiri. Kegagalan P berbuat demikian, mahkamah hanya boleh mempertimbangkannya sekadar memenuhi keperluan *dharuriyyat* semata-mata; dan
- (c) oleh kerana tuntutan tunggakan ini berlaku dihujung perkahwinan P dan D, maka asas pemberian dan pelaksanaan pecahan nafkah yang telah ditunaikan oleh D sebelum tempoh masa tersebut juga menjadi sandaran kepada mahkamah dalam menilai tunggakan terhadap nafkah P ini.

E

F

G

H

I

[44] Melalui lima bentuk pecahan nafkah tertunggak yang dituntut oleh P ini, mahkamah akan menilainya satu persatu sama ada berlakunya tunggakan atau sebaliknya.

A Makan-minum sebanyak RM1,500 sebulan

[45] P di dalam keterangannya menjelaskan bahawa perbelanjaan makan minum tersebut berdasarkan kepada jumlah minima sebanyak RM50 sehari yang dibelanjakan oleh P meliputi sarapan pagi RM10, makan tengahari RM15, minum petang RM10 dan juga makan malam RM15. P juga menyatakan bahawa sememangnya dari awal perkahwinan jumlah tersebut yang biasa dibelanjakan oleh P dan tidak pernah dibantah oleh D, bahkan adakalanya D membelanjakan untuk P lebih daripada jumlah itu. P membelanjakan mengikut keadaan semasa, adakalanya P makan di luar atau memasak di rumah. Walau bagaimanapun kosnya lebih kurang sama sahaja sama ada makan di luar mahupun masak sendiri. Bagi kos makan minum, P telah mengemukakan resit-resit perbelanjaan yang telah ditandakan sebagai P6 (ab), P8 (ab), P9,10 (ab), P11 (ab), P12 dan P13.

D

[46] Ketika disoal balas, P menjelaskan bahawa beliau makan empat kali sehari sama ada dibeli di luar dan juga dimasak, kadang kala P beli untuk masak di rumah. P mengakui bahawa RM50 tersebut tidak merujuk dengan mana-mana dokumen yang dikemukakan kepada mahkamah. P mengakui bahawa semua dokumen yang dikemukakan oleh beliau menunjukkan jumlah perbelanjaan makanan mencapai jumlah RM1,500 sebulan. Semasa menjawab soalan mahkamah, P menyatakan bahawa tuntutan kos makan-minum adalah untuk keperluan dirinya sahaja.

E

F [47] SP1 dan SP2 sekata menyatakan bahawa semasa datang ke rumah P, ada makanan yang disediakan oleh P. Semasa disoal balas, SP1 pernah bertanya P tentang pembelian makanan dan dinyatakan oleh P menggunakan duit beliau sendiri. SP2 pernah nampak makanan yang dimasak oleh P dan tidak bersetuju sumber untuk membeli makanan dalam tempoh dakwaan adalah daripada duit D.

G

[48] Manakala D di dalam keterangannya menyatakan untuk perbelanjaan makan minum P seorang sebanyak RM1,500 adalah terlalu tinggi. Jumlah tersebut bukan untuk diri P seorang malah jumlah tersebut boleh meliputi makan minum untuk keluarga selama sebulan. Tambahan pula, apabila P keluar bekerja, ia sudah tentu menjadi tanggungjawab P sendiri.

H

[49] D ketika di soal balas menyatakan bahawa tidak bersetuju makan-minum RM1,500 tetapi ia tidak lebih RM1,000. Berdasarkan kepada pecahan D, makan tengahari dan makan malam adalah RM10, sarapan pagi tidak lebih RM10, minum petang RM8 ke bawah dan *supper* bagi D hanya RM5 yang berjumlah RM43. Jumlah tersebut bukan dalam kemampuan D dan kemampuan beliau hanya dalam RM20 sahaja. D mengakui bahawa dalam tempoh tunggakan tersebut tidak ada menyediakan barang-barang

I

mentah untuk dimasak, tidak pernah bawa P untuk makan di luar sama ada sarapan pagi, makan tengahari, minum petang, makan malam mahupun *supper*. P bekerja dalam tempoh perkahwinan dan semasa beliau tinggalkan P. D tidak tahu sama ada P redha atau tidak, beliau tidak memberi nafkah kepada P.

A

B

[50] Semasa disoal balas, D bersetuju makan-minum itu keperluan seorang isteri dan tidak setuju wujudnya tunggakan kerana D bayar dengan duit sebanyak RM2,000. Kewajipan untuk beliau sediakan makan untuk isteri dua kali sehari yang berupa nasi, lauk dan air. D tidak bersetuju permintaan P untuk makan empat kali sehari. Manakala ketika disoal oleh mahkamah, D menjelaskan bahawa amalan biasa mereka ketika tinggal bersama kadangkala tiada sarapan pagi, ada makan tengahari dan malam, tiada minum petang dan juga *supper*. P dan D kebiasaannya makan di luar dan kos perbelanjaan makan di luar untuk dua orang tidak lebih RM50. Tiada lokasi tertentu untuk tempat makan dan mereka akan makan di semua tempat makan.

C

D

[51] Peguam P menghujahkan dengan merujuk ikatan dokumen P, di mana P telah mengemukakan dokumen-dokumen berbentuk resit perbelanjaan makan dan minum dalam tempoh sebulan. P telah mengemukakan bukti resit perbelanjaan makan dan minum untuk akhir bulan Mac 2013 sebagaimana ikatan dokumen P yang telah ditanda sebagai P7a, P7b dan dan P10. P juga telah mengemukakan resit-resit perbelanjaan pada bulan April 2013 sebagaimana bukti yang terdapat dalam ikatan dokumen P yang ditandakan sebagai P6a dan P6b, P8a dan P8b, P9, P11a dan P11b, P12 dan P13. Bukti-bukti tersebut adalah untuk perbelanjaan makan dan minum P selama tempoh sebulan bermula akhir bulan Mac 2013 hingga April 2013 di mana sekiranya mengikut resit-resit perbelanjaan tersebut ianya berjumlah RM1,896.56.

E

F

G

[52] Peguam P menghujahkan bahawa jumlah tersebut adalah melebihi jumlah yang dituntut oleh P iaitu sebanyak RM1,500, di samping itu, resit-resit tersebut juga adalah sebagai bukti *qarinah* bahawa P membelanjakan sebanyak jumlah yang tersebut untuk makan dan minum selama tempoh sebulan bagi bulan-bulan yang sebelumnya dan bulan berikutnya selama D meninggalkan P bermula Januari 2012 sehingga Ogos 2013. Resit-resit tersebut juga adalah sebagai bukti nyata yang boleh dijadikan sandaran oleh mahkamah yang mulia ini untuk mewajarkan tuntutan P. Ianya juga adalah contoh perbelanjaan bulanan yang dibelanjakan oleh P pada bulan-bulan yang lain juga. Bukti-bukti tersebut adalah turut dipersetujui dan tidak pernah dibantah oleh pihak D bahawa P telah membelanjakan wangnya sendiri untuk keperluan perbelanjaan makan dan minum selama tempoh sebulan. D juga sendiri telah mengakui bahawa beliau tidak mengetahui keperluan sebenar diri P dan bersetuju bahawa item-item tuntutan P adalah biasa bagi seorang isteri.

H

I

- A** Adalah tidak wajar bagi pihak D mempertikaikan perbelanjaan tersebut selama D meninggalkan P. Hal ini kerana, P yang mengetahui keperluan sebenar untuk perbelanjaannya selama sebulan dengan disokong bukti-bukti yang kukuh yang tidak disangkal dan dinafikan oleh pihak D sebagaimana yang terdapat dalam ikatan dokumen P. Jumlah tersebut tidak pernah melebihi
- B** kemampuan D yang akan dihujahkan selepas ini dan ianya adalah perbelanjaan yang biasa dibelanjakan oleh P sejak dari awal perkahwinan serta tidak pernah dibantah oleh D sama ada dalam affidavit keterangannya atau sesi soal balas.
- C** [53] Peguam D menghujahkan bahawa makan minum bagi seorang wanita seperti P sepatutnya tidak terlalu tinggi kerana keperluan asas bagi dirinya hanyalah meliputi makanan asasi di Malaysia. Adalah menjadi kewajipan D sebagai suami menyediakan makanan asasi bagi isterinya dan bukanlah
- D** perbelanjaan yang berlebihan. Jumlah yang dituntut oleh P ini jelas terlalu tinggi bagi kos makan minum bagi seorang wanita sahaja. Malahan jumlah yang dituntut ini seperti jumlah bagi meliputi makan minum sebuah keluarga untuk sebulan. D menafikan jumlah perbelanjaan tersebut kerana P jelas telah membahagikan antara nafkah dirinya dan juga nafkah anak. Oleh itu, jumlah
- E** RM1,500 bagi P semata-mata adalah tidak relevan sama sekali.
- [54] Peguam D menghujahkan bahawa tuntutan yang dibuat oleh P adalah melampaui keperluan asas yang wajib disediakan oleh D mengikut adat setempat dan juga keperluan makanan masyarakat Malaysia. Kewajipan untuk
- F** D sediakan adalah makanan asasi rakyat Malaysia iaitu nasi dan lauk. Oleh itu, D hanya perlu menyediakan dua kali nasi berserta lauk sehari yang jika dinilai dari segi ringgit, ianya tidak mencapai RM50 sehari sebagaimana yang dipohon. Keperluan makan P jika dinilai mengikut apa yang digariskan syarak tidak melebihi RM20 sehari untuk dua kali keperluan iaitu nasi dan lauk. P
- G** gagal membuktikan nilai yang diminta sebagaimana yang dituntut. P gagal membuktikan kepada mahkamah bahawa beliau membelanjakan RM1,500 sebulan yang bersamaan iaitu sebanyak RM50 untuk keperluan makanan beliau setiap hari. Resit-resit yang dilampirkan juga tiada yang menunjukkan
- H** jumlah perbelanjaan yang mencapai jumlah RM1,500 seperti yang dituntut oleh P bagi kos makanan. Malahan, jumlah keseluruhan di dalam resit yang dilampirkan juga adalah tidak tepat bagi kos makan minum semata-mata kerana telah bercampur dengan pembelian barangan lain seperti barangan anak-anak. Kos perbelanjaan anak-anak juga telah dituntut berasingan oleh P
- I** di dalam tuntutan yang lain. P jelas gagal membuktikan kepada mahkamah ini bahawa perbelanjaan beliau bagi keperluan makanan adalah mencapai RM1,500 sebulan, baik secara lisan mahupun secara dokumen.

[55] Mahkamah — Bagi nafkah makan minum, P menuntut sebanyak RM50 yang berjumlah RM1,500 sebulan. Jumlah selama tempoh 20 bulan adalah berjumlah RM30,000. Dr Wahbah Az-Zuhaily di dalam kitabnya *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 7, terjemahan oleh Ahmad Shahbari Salamon et al, 2005, *Fiqh & Perundangan Islam* Jld VII, hlm 987 menyatakan bahawa:

Nafkah makanan dinilai mengikut adat kebiasaan dalam negeri atau perbezaan tempat, masa dan suasana tentang mahal murah, untuk orang muda atau orang tua pada musim sejuk dan musim panas. Ulama' Shafie berpendapat bahawa ditentukan nafkah makanan bijirin mengikut kadar tertentu mengikut keadaan kewangan suami sama ada senang atau susah, kerana kadar kifarar yang minimum dibayar oleh seseorang ialah satu cupak bijirin. Allah SWT mengira pembiayaan nafkah kepada ahli keluarga sebagai kifarar.

[56] Bagi kes ini, D mengakui bahawa dalam tempoh tunggakan tersebut, beliau tidak ada menyediakan barang-barang mentah untuk dimasak, tidak pernah bawa P untuk makan di luar sama ada sarapan pagi, makan tengahari, minum petang, makan malam mahupun 'supper'. Pengakuan D ini selari dengan peruntukan s 17 EKMS 2003 yang menyatakan bahawa:

- (1) Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara *bertulis atau lisan* atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- (2) Apa-apa iqrar hendaklah dibuat —
  - (a) di dalam mahkamah, di hadapan Hakim; atau
  - (b) di luar mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan 'adil.
- (3) Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.

[57] Mahkamah berpuas hati bahawa perkara tersebut tidak perlu dibuktikan lagi selaras dengan s 45 EKMS 2003 yang menyatakan:

- (1) Tertakluk kepada subs 17(2) tiada fakta perlu dibuktikan dalam mana-mana prosiding jika pihak-pihak dalam prosiding itu atau ejen mereka bersetuju untuk mengakuinya dalam pendengaran itu atau sebelum pendengaran itu mereka bersetuju untuk mengaku dengan apa-apa tulisan di bawah tandatangan mereka, atau yang menurut apa-apa kaedah pliding yang sedang berkuat kuasa, mereka disifatkan telah mengakuinya dengan pliding mereka; dan
- (2) Mahkamah boleh, menurut budi bicaranya, menghendaki supaya fakta yang diakui itu dibuktikan selain daripada dengan iqrar sedemikian.

- A** [58] Bagi keperluan makan-minum ini, P di dalam keterangannya menyatakan perbelanjaan makan-minum adalah berdasarkan kepada jumlah minima sebanyak RM50 sehari yang dibelanjakan oleh P meliputi sarapan pagi RM10, makan tengahari RM15, minum petang RM10 dan juga makan malam RM15. P telah mengemukakan resit-resit perbelanjaan yang telah ditandakan sebagai P6 (ab), P8 (ab), P9, P10 (ab), P11 (ab), P12 dan P13. Namun begitu, resit tersebut tidak menyokong jumlah minima sebanyak 50 sehari seperti yang didakwa oleh P.
- B**
- C** [59] Bagi D, beliau tidak bersetuju makan-minum yang dituntut oleh P sebanyak RM1,500 tetapi bersetuju ia tidak lebih RM1,000. Berdasarkan kepada pecahan D, makan tengahari dan makan malam adalah RM10, sarapan pagi tidak lebih RM10, minum petang RM8 ke bawah dan 'supper' bagi D hanya RM5 yang berjumlah RM43. Jumlah tersebut bukan dalam kemampuan D dan kemampuan beliau hanya dalam RM20 sahaja. D menyatakan bahawa beliau hanya wajib menyediakan makan untuk isteri dua kali sehari yang berupa nasi, lauk dan air dan tidak bersetuju permintaan P untuk makan empat kali sehari. Semasa disoal oleh mahkamah, D menjelaskan bahawa amalan biasa mereka ketika tinggal bersama kadangkala tiada sarapan pagi, ada makan tengahari dan malam, tiada minum petang dan juga 'supper'. P dan D kebiasaannya makan di luar dan kos perbelanjaan makan di luar untuk dua orang tidak lebih RM50.
- D**
- E**
- F** [60] Berdasarkan situasi ini, mahkamah berpuas hati bahawa semasa P dan D tinggal bersama, keperluan makan-minum yang disediakan oleh D adalah berupa sarapan pagi, makan tengahari dan malam, di mana tiada minum petang dan 'supper'. Bagi sarapan pagi, D menyatakan ia tidak melebihi RM10, manakala bagi tuntutan P adalah sebanyak RM10. Mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa jumlah untuk kos sarapan pagi P adalah RM10.
- G**
- H** [61] Bagi makan tengahari dan malam, D meletakkan jumlah yang sama iaitu RM10 setiap kali makan. Melalui keterangan D, kebiasaan P dan D makan di luar melibatkan dua orang adalah tidak melebihi RM50 yang bermaksud setiap seorang kosnya tidak melebihi RM25. Jumlah RM10 yang dikemukakan oleh D adalah jumlah yang tidak relevan kerana ia merupakan kos yang hampir bersamaan dengan kos untuk sarapan pagi. Memandangkan kos makan tengahari dan makan malam adalah lebih tinggi berbanding kos sarapan pagi, maka mahkamah sangat bersetuju dengan kenyataan dan tuntutan yang dibuat oleh P bahawa kos untuk makan makan tengahari dan makan malam adalah berjumlah RM15 setiap kali makan. Jumlah RM15 ini sangat relevan memandangkan kos tersebut tidak melebihi RM25.
- I**
- [62] Justeru itu, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa kos untuk sarapan pagi P adalah berjumlah RM10, kos untuk makan tengahari P adalah

RM15 dan kos untuk makan malam P juga adalah RM15. Tiada kos untuk mium petang atau 'supper' pihak P. Berdasarkan kos tersebut, maka jumlah kos makan minum P sehari adalah berjumlah RM40 dan kos makan minum sebulan P adalah berjumlah RM1,200. Maka bagi tempoh 19 bulan iaitu dari Januari 2012 sehingga Julai 2013 (RM1,200 x 19 bulan) adalah berjumlah RM22,800.

A

B

Bil-bil utiliti sebanyak RM600 sebulan

[63] P di dalam keterangannya menuntut tunggakan perbelanjaan bil-bil bulanan termasuk bil elektrik, bil air dan juga bil astro. P mendakwa beliau yang terpaksa menanggung semua bil-bil utiliti dengan menggunakan wang P sendiri sepanjang pengabaian D. P telah mengemukakan bil elektrik (24 November 2012) yang ditandakan sebagai P14, notis pemotongan bekalan elektrik bertarikh 18 Januari 2013 ditandakan sebagai P17, bil air bertarikh 30 Ogos 2012 (P15a), bil air bertarikh 26 September 2012 (P15b) dan bil astro bertarikh 15 Mei 2013 dengan amaun RM137.80 sebulan.

C

D

[64] Ketika di soal balas, P mengakui jumlah tersebut hanyalah anggaran beliau sahaja kerana tidak ada menunjukkan bukti bil sama ada bil air atau elektrik untuk jumlah semasa. P juga tidak bersetuju bahawa bil astro bukanlah kewajipan kepada D untuk menanggung. SP1 dan SP2 sekata di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau ada nampak kemudahan Astro dan juga utiliti-utiliti lain beserta bil-bil di rumah P. Semasa disoal balas, SP1 tidak setuju bahawa bayaran Astro bukan kewajipan D. SP2 tidak bersetuju bahawa astro bukan kewajipan untuk D tanggung dan bukan satu keperluan.

E

F

[65] D di dalam keterangannya menyatakan bahawa bil utiliti sebanyak RM600 agak tinggi berbanding keperluan sebenarnya. Manakala semasa disoal balas, ketika tinggal bersama, kos untuk bil utiliti adalah RM300 untuk bil elektrik dan RM50 untuk bil air. D tidak bersetuju tuntutan P untuk bil astro, namun mengakui ketika tinggal bersama ada melanggan astro kerana D ingin menonton dan tidak pernah arahkan P untuk batalkan astro tersebut selama tidak tinggal bersama dengan P. Semasa disoal semula, D tidak bersetuju ada tunggakan disebabkan beliau ada rumah yang disediakan. Semasa menjawab soalan mahkamah, D menyatakan bahawa astro ada dalam tempoh perkahwinannya dan D yang bayar. Bil elektrik dan air, kadang-kadang berkongsi bayar dan kadang-kadang D bayar sepenuhnya. Ada tunggakan bil elektrik dan air serta astro disebabkan terlewat bayar.

G

H

I

[66] Peguam P menghujahkan bahawa D telah bersetuju bahawa bil elektrik adalah sebanyak RM300 dan ianya tidak dinafikan oleh pihak P. Walau bagaimanapun, bil air sebanyak RM50 sebulan sebagaimana yang didakwa oleh D adalah dinafikan oleh P. Hal ini kerana, berdasarkan dokumen yang



- A dikemukakan oleh P dalam ikatan dokumen P, bil air tersebut adalah sebanyak RM100 atau RM200 sebulan mengikut kebiasaan P sepanjang tinggal di rumah kelamin tersebut. Manakala, berkaitan bil astro pula, keterangan D yang menyatakan bahawa bil tersebut tidak wajib dibayar oleh D adalah sebagai salah satu alasan D untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab
- B tersebut. Hal ini kerana, tiada perjanjian atau perbincangan antara P dan D untuk membatalkan langganan astro tersebut. Maka, pihak D juga adalah berkewajipan untuk menanggung bil astro tersebut kerana ianya telah dibayar secara bersama sejak P dan D masih tinggal bersama di rumah kelamin. Ianya merupakan *qarinah* bahawa D bersetuju agar langganan astro tersebut
- C diteruskan oleh pihak P. D juga mengaku sewaktu disoal oleh mahkamah bahawa beliau tidak pernah membatalkan langganan astro setelah beliau keluar daripada rumah kelamin tersebut.
- D [67] Peguam D merujuk kepada bukti-bukti yang dikemukakan, dapat dilihat bahawa bayaran bagi bil api dan air sebulan adalah dalam anggaran sebanyak RM400–RM600. Namun begitu, ia tidak termasuk bil astro yang boleh dikategorikan sebagai bukan keperluan asas. Bil astro sepatutnya tidak boleh dituntut oleh P kerana D sebagai suami hanya berkewajipan
- E menanggung nafkah yang merupakan keperluan asas isteri dan bil astro jelas bukannya satu keperluan tetapi merupakan kehendak P. Tindakan P yang mendakwa D yang sengaja membuat tunggakan dalam nafkah dirinya terutama sekali dalam bil-bil utiliti adalah tidak wajar. Ini adalah kerana keengganan P berpindah mengikut D ke rumah yang baru menunjukkan
- F bahawa P sendiri yang rela untuk menanggung bil-bil rumah yang beliau duduki dalam tempoh keengganan beliau berpindah tersebut. Oleh itu, kos bayaran utiliti ini wajar ditolak oleh mahkamah kerana tidak wujud tunggakan dari segi bil utiliti dan meskipun wujud tunggakan tersebut ianya adalah berpunca dari P sendiri yang enggan berpindah bersama D di rumah yang telah
- G disediakan.
- H [68] Mahkamah — Berkenaan bil utiliti iaitu elektrik dan air, mahkamah berpuas hati bahawa keperluan tersebut adalah keperluan *dharuriyyat* yang berhubung-kait dengan tempat tinggal P. Adalah dipersetujui oleh kedua pihak bahawa bil utiliti seperti bil elektrik dan air adalah menjadi keperluan asas yang wajar ditanggung oleh D. Merujuk kepada bil elektrik pada 24 November 2012 (P14) menunjukkan penggunaan elektrik adalah sebanyak RM483.23 dan telah mengalami tunggakan menjadi RM3,078.13. Bagi bil pada
- I dokumen P16 telah menunjukkan bahawa pembayaran telah dilakukan pada 26 November 2011 berjumlah RM300. Berdasarkan notis pemotongan elektrik (P17) pada 18 Januari 2013, bil elektrik yang tertunggak adalah sebanyak RM2,478.14.

[69] D di dalam keterangannya menyatakan semasa beliau tinggal bersama P, bil elektrik adalah sebanyak RM300 sebulan. Perkara ini telah dipersetujui oleh peguam P bahawa anggaran bil elektrik adalah sebanyak RM300. Pada hemat mahkamah, sepatutnya P hendaklah mengemukakan kesemua bil-bil elektrik sejak Januari 2012 sehingga Ogos 2013, namun begitu P hanya mengemukakan satu bil bertarikh 24 November 2012 sahaja beserta Notis Pemotongan Elektrik bertarikh 18 Januari 2013. Memandangkan tiada bil secara terperinci bagi bulan selain November 2012, maka mahkamah hanya boleh memberikan jumlah bagi bulan-bulan yang tidak dinyatakan oleh P hanya secara anggaran semata-mata.

A

B

C

[70] Oleh kerana D menyatakan bahawa bil elektrik bulanan semasa beliau hidup bersama dengan P adalah berjumlah RM300 dan ia telah dipersetujui oleh pihak P, maka jumlah tersebut wajar dijadikan anggaran purata bil elektrik setiap bulan selama 18 bulan selain bulan November 2012 yang menjadikannya berjumlah RM5,884 (RM300 x 18 bulan + RM 484 (bil November 2012 yang digenapkan).

D

[71] Bagi bil air, berdasarkan dokumen P15a jumlah penggunaannya berakhir 30 Ogos 2012 adalah berjumlah RM152.03, manakala penggunaan berakhir 20 September 2012 (P15b) adalah berjumlah RM173.44. D di dalam keterangannya bil air semasa bersama hidup dengan P adalah sekitar RM50 sebulan. Jumlah RM50 ini tidak dipersetujui oleh peguam P kerana anggaran bil yang dikemukakan antara RM100 hingga RM200 sebulan. Pada hemat mahkamah, sepatutnya P hendaklah mengemukakan kesemua bil-bil air sejak Januari 2012 sehingga Ogos 2013, namun begitu P hanya mengemukakan dua bil sahaja iaitu bertarikh 30 Ogos 2012 dan 20 September 2012. Memandangkan tiada bil secara terperinci bagi bulan selain November 2012, maka sekali lagi mahkamah hanya boleh memberikan jumlah bagi bulan-bulan yang tidak dinyatakan oleh P hanya secara anggaran semata-mata.

E

F

G

[72] Walaupun D di dalam keterangannya memberi anggaran purata bulanan bil air sebanyak RM50, namun anggaran tersebut tidak boleh dipertimbangkan oleh mahkamah kerana dua bil yang dikemukakan oleh P pada P15a dan P15b menunjukkan anggarannya tidak kurang dari RM150 sebulan dan pihak P tidak bersetuju dengan jumlah RM50 tersebut. Oleh itu, pada hemat mahkamah jumlah anggaran yang sesuai bagi bil air secara puratanya adalah RM150 sebulan yang berjumlah RM2,877 (RM150 x 17 bulan + RM153 (Ogos 2012 yang digenapkan) dan RM174 (bulan September 2012 yang digenapkan).

H

I

[73] Bagi bil astro, P telah mengemukakan dokumen P18a yang menunjukkan bayaran bulannya adalah sebanyak RM137.80. D di dalam kes ini menafikan bahawa bil astro tersebut adalah kewajipan beliau untuk

- A** menanggungnya dan ia bukan suatu keperluan utama yang D perlu menanggungnya. mahkamah secara umumnya bersetuju bahawa bil astro bukanlah suatu keperluan asas atau *dharuriyyat* yang perlu ditanggung oleh D. Walau bagaimanapun, semasa P dan D hidup bersama sebelum Januari 2012, D telah melanggan perkhidmatan astro ini untuk tontonan beliau dan keluarga
- B** serta telah membuat bayaran bil astro tersebut. Berdasarkan situasi ini, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa langganan perkhidmatan astro tersebut telah menjadi tanggungan bulanan D yang perlu dijelaskan bil bulanannya.
- C** [74] Memandangkan sejak D berpindah keluar dari rumah kelamin tersebut bermula Januari 2012 tanpa memberhentikan langganan perkhidmatan astro tersebut atau mengarahkan P untuk membayarnya sendiri, maka D adalah bertanggung untuk membayar kesemua bil-bil astro sejak Januari 2012
- D** sehingga Julai 2013 iaitu selama 19 bulan dengan jumlah RM137.80 sebulan yang menjadikan jumlah keseluruhannya selama 19 bulan adalah sebanyak RM2,618.20 yang dikenakan menjadi RM2,619.
- [75] Berdasarkan ketiga-tiga bil tersebut iaitu bil elektrik sebanyak
- E** RM5,884, bil air sebanyak RM2,877 dan bil astro sebanyak RM2,619, maka jumlah bil utiliti yang tertunggak selama 19 bulan dari Januari 2012 sehingga Julai 2013 adalah berjumlah RM11,380. Persoalannya sekarang, *adakah bil utiliti yang berjumlah RM11,380 perlu ditanggung oleh D memandangkan majikan D telah menyediakan rumah untuk D dan menanggung sewa rumah*
- F** *tersebut termasuk bil-bil utilitinya?*
- [76] Persoalan berkaitan dengan tanggungan bil utiliti di atas adalah bersangkutan dengan isu tempat kediaman P sejak Januari 2012 sehingga mereka bercerai pada 4 Ogos 2013. Jika terbukti bahawa tempat kediaman P
- G** telah disediakan oleh D di lokasi yang lain iaitu di USJ One Avenue, Subang Jaya dan juga di Bandar Baru Uda, Johor Bahru, maka kos bil utiliti penginapan P di Challis Damansara adalah diketepikan oleh mahkamah dan begitulah sebaliknya kos utiliti akan diberikan jika P berhak memperolehinya.
- H** Pakaian dan keperluan diri RM500 sebulan
- [77] P di dalam keterangannya menyatakan sepanjang pengabaian D, perbelanjaan pakaian dan keperluan diri yang telah dibelanjakan minima
- I** sebanyak RM500 sebulan. P juga menjelaskan bahawa jumlah yang dituntut adalah jumlah yang paling rendah dibelanjakan setiap bulan untuk pakaian dan keperluan diri, selebihnya P tidak menuntut daripada D. Keperluan diri yang dimaksudkan oleh P seperti alatan mandi dan pembersihan diri dan jumlah tersebut sememangnya dalam pengetahuan D kerana itulah jumlah yang P belanjakan ketika tinggal bersama.

[78] Semasa disoal balas, P menyatakan membeli pakaian setiap bulan dan tidak bersetuju beliau tidak perlu membeli pakaian setiap bulan. P menjelaskan pembelian pakaian setiap bulan adalah kerana pekerjaan P yang perlu untuk berjumpa dengan orang dan P tidak akan menggunakan pakaian yang sama. Pakaian yang dibeli adalah untuk tujuan iklan, lakonan, berjumpa dengan orang dan lain-lain lagi. P juga tidak bersetuju ketika berlakon, iklan dan *modeling*, pakaian ditaja atau disediakan. P setuju bahawa beliau tiada kemukakan resit berkaitan dengan pakaian. Kos pakaian beliau kadang-kadang melebihi RM500 dan P tidak bersetuju bahawa D tidak wajib menanggung kos pakaian setiap bulan.

A

B

C

[79] Selain pakaian, P juga menuntut keperluan diri seperti alat solek, penjagaan kulit (*skin care*) dan barang-barang keperluan wanita yang lain. Pada dokumen P10 terdapat pembelian keperluan diri seperti *premier tissue*, *kotex* dan *dettol wipes*. Pada P8a ada bil berkaitan dengan *dettol*, *dynamo* (cuci baju) yang mana kedua-dua bil tersebut tidak sampai RM100. P semasa menjawab soalan mahkamah menyatakan bahawa D tidak pernah menyediakan pakaian untuknya, di mana P membeli sendiri pakaiannya. P memerlukan pakaian setiap bulan untuk tujuan kerja dan beliau ada membeli pakaian untuk D serta jumlah pembeliannya untuk kerja dan D adalah sama banyak.

D

E

[80] SP1 dan SP2 sekata menyatakan P seorang selebriti yang dikenali umum dan mesti menjaga penampilan diri yang mana SP1 lihat P sering bertukar-tukar pakaian bagi memastikan penampilan yang baik di khalayak ramai. SP2 pula sering temankan P untuk membeli pakaian serta kelengkapan diri P sepanjang peninggalan D tersebut. Semasa soal balas, SP1 tidak bersetuju pakaian yang dibeli oleh P bukan pakaian yang wajib disediakan oleh D dan tidak bersetuju pakaian P tidak perlu disediakan setiap bulan. SP2 menyatakan tujuan P bertukar pakaian disebabkan beliau selebriti yang perlu jaga penampilan beliau dan juga untuk kerjaya beliau. SP2 tidak bersetuju P bertukar-tukar pakaian bukan untuk suami. Semasa disoal semula, SP1 menyatakan bahawa kadang-kadang pakaian kerja P adalah berlain semasa di rumah. SP1 juga nampak P bertukar-tukar pakaian dan tidak nampak D menghantar pakaian P dalam tempoh tersebut.

F

G

H

[81] Manakala D di dalam keterangannya menjelaskan bahawa keperluan pakaian sebanyak RM500 sebulan juga tidak munasabah kerana D tidak perlu menyediakan pakaian asas kepada P setiap bulan tetapi lebih kepada kehendak dan keperluan P sendiri sebagai artis dan juga untuk kerjaya P. Malahan P sebagai artis juga realitinya banyak mendapat tajaan daripada mana-mana pihak.

I

[82] Semasa disoal balas, D bersetuju P perlukan pakaian. D juga bersetuju dalam tempoh tunggakan tersebut, D langsung tidak penuhi tentang pakaian

- A dan keperluan diri P. Semasa disoal semula, D tidak bersetuju wujudnya tunggakan terhadap pakaian dan keperluan P disebabkan beliau membelinya. Kadang-kadang D membeli dan kadang-kadang memberi P duit. Pemberian RM2,000 adalah untuk keseluruhan P dan anak-anak.
- B [83] Semasa menjawab soalan mahkamah, D mengakui ada menyediakan pakaian P semasa tinggal bersama dan tidak pasti berapa jumlah helaiannya. D ada belikan pakaian apabila P cakap perlukan pakaian dan kebanyakan pakaian P, D belikan tetapi D tidak ingat berapa banyak yang D sediakan. D menyatakan tidak meletakkan jumlah tetapi sekiranya P suka, D akan belikan.
- C D juga tidak mengingati berapa harga yang paling mahal pernah belikan pakaian P dan pakaian paling murah pernah D belikan berjumlah RM100 untuk baju dan juga seluar. D hanya membeli pakaian tertentu sahaja dan untuk pakaian harian.
- D [84] Mengenai alat solek pula, D ketika menjawab soalan mahkamah menyatakan bahawa tidak pernah membelikannya kepada P dan hanya berikan wang kepada P sekiranya diminta oleh P. D menyatakan tiada peruntukkan khusus tetapi mengikut jenis barangan contohnya P pernah minta RM200, D akan berikan wang tersebut. Ada yang dibeli oleh P berjenama dan ada juga yang tidak berjenama. Kebanyakan di dalam pengetahuan D, P akan beli apa yang disukai tanpa kira jenama.
- F [85] Peguam P merujuk sebagaimana dalam kitab *Fiqh Sunnah*, Edisi Terjemahan, hlm 242, telah menjelaskan bahawa antara nafkah yang wajib diterima oleh isteri adalah seperti perbelanjaan membeli sikat rambut, sabun minyak rambut, dan sebagainya termasuk alat-alat untuk menjaga kebersihan diri. Perkara ini hendaklah diambil kira oleh mahkamah dalam menentukan jumlah nafkah yang dituntut oleh P. Selanjutnya peguam P merujuk kepada kitab *Raudhah At-Thalibin* hlm 1557, yang menyatakan bahawa:
- G Kewajipan suami terhadap isterinya adalah dengan membeli pakaian mengikut kadar kemampuannya. Pakaian tersebut adalah berbeza mengikut ketinggian dan kerendahannya serta berbeza mengikut musim seperti musim panas dan musim sejuk As-Shafi'e juga berkata bahawa isteri yang mempunyai suami yang kaya juga berhak mendapatkan pakaian termahal yang dijual di negerinya seperti pakaian sutera. Sementara, isteri yang memiliki suami yang miskin cukuplah dengan pakaian kasar yang dibuat dari kapas atau katun. Manakala, isteri yang memiliki suami kelas pertengahan dalam ekonominya hanya dibolehkan mendapatkan pakaian yang sederhana dan dalam keadaan bersederhana.
- H
- I [86] Peguam P menghujahkan bahawa jumlah yang dituntut oleh P sebanyak RM500 sebulan untuk perbelanjaan pakaian dan keperluan dirinya adalah kos sebenar yang dikeluarkan oleh P sebagaimana masih dalam tempoh perkahwinan P dan D sepanjang D meninggalkannya selama 20 bulan.

Berdasarkan kenyataan D semasa sesi soal balas oleh peguam syarie P, pihak D sendiri telah mengakui dan memberi keterangan kepada mahkamah bahawa D sendiri tidak pernah memperuntukkan nafkah untuk pakaian dan keperluan diri P. Pihak D juga telah menyatakan bahawa beliau tidak pernah bertanya kepada P keperluan sebenar diri P dan berapa jumlah sebenar yang diperlukan oleh P selama tempoh D meninggalkan P. Peguam P menghujahkan bahawa adalah tidak relevan untuk D mempersoalkan jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh P untuk pakaian dan keperluan dirinya sekiranya D sendiri tidak pernah bertanya atau mengambil tahu akan perkara tersebut sepanjang D meninggalkan P selama 20 bulan.

A

B

C

[87] Peguam P juga menghujahkan bahawa sekiranya P mendapat tajaan pakaian daripada mana-mana pihak sekalipun, ianya akan dipulangkan semula kepada pihak penaja selepas tamatnya lakonan. Maka, adalah tidak munasabah dan relevan sekiranya pakaian tajaan tersebut adalah pakaian asas yang akan digunakan oleh pihak P pada setiap hari. Manakala, P sendiri menyatakan dalam keterangannya bahawa pakaian yang dituntut ini adalah untuk pakaian harian beliau dan bukannya untuk tujuan lakonan. Dakwaan D tersebut hanyalah dakwaan semata-mata tanpa ada bukti yang kukuh.

D

E

[88] Peguam D menghujahkan bahawa adalah tidak munasabah bagi P memerlukan pakaian dan penjagaan diri yang perlu dibeli setiap bulan. Malah dakwaan ini juga tidak dibuktikan kepada mahkamah bahawa keperluan tersebut berlaku setiap bulan. Tiada sebarang resit mahupun apa-apa dokumen yang menunjukkan pakaian tersebut dibeli setiap bulan. Maka, adalah tidak wajar dan tidak munasabah bagi defendan menanggung keperluan aktiviti seni P kerana kehendak dan kepentingan kerjaya P bukanlah satu kewajipan atas D. Malah, kewajipan D tidak meliputi pakaian mewah bagi aktiviti seni P dan hanya berdasarkan keperluan asas P sahaja.

F

G

[89] Peguam D juga menghujahkan kewajipan D adalah menyediakan dua pasang pakaian yang lengkap untuk P setahun yang jelas ianya tidak akan mencapai jumlah RM30,000 sebagaimana yang dipohon. Tuntutan RM500 sebulan juga jelas melampaui keperluan sebenar dan dihujahkan bahawa D hanya wajib menyediakan pakaian untuk P dalam nilai yang tidak melebihi RM600 setahun untuk dua pasang pakaian lengkap.

H

[90] Manakala bagi keperluan diri, peguam D menghujahkan bahawa P gagal mengemukakan secara terperinci apakah bentuk penjagaan diri yang diperlukan oleh beliau. Malah, dakwaan P ini juga hanya disertakan resit yang ditandakan sebagai P8a dan P10a yang menunjukkan bahawa kos penjagaan diri adalah kurang daripada RM100. Dakwaan P adalah tidak berasas kerana P hanya membuat anggaran tanpa bukti yang kukuh malah bukti yang

I

A dilampirkan juga bercanggah dengan nilai tuntutan yang dibuat. Perbelanjaan yang dituntut ini jelas melebihi keperluan asas yang wajib disediakan oleh D. Tuntutan P ini juga wajar ditolak.

B [91] Mahkamah — Terdapat dua perkara yang dituntut oleh P iaitu melibatkan pakaian dan keperluan diri yang mana kedua-dua dituntut oleh P adalah sebanyak RM500 sebulan yang berjumlah RM10,00 bagi tempoh 20 bulan. Bagi keperluan pakaian, mahkamah berpuas hati ia adalah menjadi keperluan asas atau *dharuriyyat* P sebagai isteri kepada D. Walau bagaimanapun di dalam kes ini, P gagal membuktikan bahawa beliau ada membeli pakaian setiap bulan. Adalah sesuatu yang tidak logik jika P tidak mempunyai sebarang resit pembelian pakaian beliau yang didakwa dibeli setiap bulan. Merujuk kepada keterangan P, SP1 dan SP2 menyatakan keperluan pakaian P setiap bulan adalah disebabkan beliau seorang selebriti yang dikenali umum dan perlu menjaga penampilan diri. Jika ia tujuan sebenarnya keperluan pakaian P setiap bulan, maka secara umumnya tuntutan P sewajarnya ditolak kerana keperluan pakaian itu bukan untuk suaminya (D) kecuali ia dipersetujui oleh D semasa masih tinggal bersama dengan P sebelum Januari 2012.

E [92] Memandangkan P gagal membuktikan pembelian pakaian tersebut setiap bulan selama tempoh tersebut, maka mahkamah hanya akan menilai keperluan pakaian berdasarkan keperluan *dharuriyyat* semata-mata. mahkamah merujuk kepada kitab *Al-Iqna' Fi Hal Al-Alfaz Abi Suja'*, Jld 2 yang menjelaskan bahawa:

Sebagai standard umum bahawa pakaian bagi wanita (isteri) setiap enam bulan harus membeli sehelai baju kurung, seluar dalam, seluar panjang, tudung dan kasut (kitab *Al-Iqna'*, Terjemahan Jahabersa, Juzu' 1-2, hlm 814).

G [93] Merujuk kepada pandangan *fuqaha* yang menerangkan tentang kewajipan memberi nafkah pakaian kepada isteri di dalam tempoh perkahwinan sebagaimana dijelaskan oleh Dr Wahbah Az-Zuhaily di dalam kitabnya *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 7, terjemahan oleh Ahmad Shahbari Salamon et al 2005, *Fiqh & Perundangan Islam* Jld VII, hlm 991 menyatakan bahawa:

H Ulama' Shafie dan Hanbali berpendapat nafkah pakaian dibiayai oleh suami dalam tempoh enam bulan sekali kerana pada urufnya pakaian ditukar dalam tempoh ini. Jika pakaian rosak sebelum habis tempoh masa ini, suami tidak wajib menggantikannya sebagaimana tidak wajib menggantikan makanan apabila ia habis sebelum waktu satu hari.

I [94] Mahkamah bersetuju dengan rujukan peguam P dari kitab *Raudah At-Talibin*, di mana peruntukan dalam Mazhab Syafie yang menetapkan

sekurang-kurang nafkah pakaian oleh seorang suami kepada isterinya adalah dua pasang iaitu sepasang untuk musim panas dan sepasang untuk musim sejuk setiap tahun. Melalui faktor musim ini sama ada musim panas atau musim sejuk, secara *dharuriyyatnya* memerlukan kepada pakaian persalinan bagi menggantikan pakaian yang dipakai untuk dicuci. Oleh itu, keperluan pakaian pada musim panas memerlukan dua pasang pakaian disediakan oleh suaminya dan dua pasang pakaian untuk musim sejuk yang menjadikannya empat pasang pakaian setahun.

A

B

[95] Memandangkan keadaan cuaca bagi negara kita (Malaysia) tiada musim panas dan musim sejuk, maka keperluan pakaian isteri perlu disediakan sekurang-kurangnya sepasang pakaian dalam tempoh tiga bulan sekali atau empat pasang pakaian setahun. Bagi seseorang wanita yang beriddah selama tiga bulan atau tiga kali suci secara normal, maka dalam tempoh iddah tersebut layak memperoleh sepasang pakaian. Bagi kes ini, sepanjang tempoh 19 bulan yang ditinggalkan oleh D, P berhak dan layak mendapatkan enam pasang pakaian. Persoalannya sekarang, *berapakah jumlah nilaiian satu pasang pakaian yang perlu disediakan oleh D untuk keperluan P?*

C

D

[96] Pada hemat mahkamah berdasarkan rujukan kepada kitab *Al-Iqna' Fi Hal Al-Alfaz Abi Suja'* setiap satu pasang pakaian yang perlu disediakan oleh seorang suami hendaklah mencakupi pakaian luar dan dalam bermula dari kepala sehingga ke kaki. D di dalam keterangannya tidak meletakkan jumlah tertentu untuk pakaian P. Ia bergantung kepada kehendak P yang akan ditunaikan oleh D. Pakaian paling murah pernah D belikan berjumlah RM100 untuk baju dan juga seluar. Memandangkan P dan D merupakan individu yang dikenali ramai berdasarkan lapangan kerja masing-masing, maka keperluan pakaian masing-masing adalah mengikut kemampuan mereka yang memperoleh pendapatan lumayan dari pekerjaan masing-masing. Bagi P, gaya pemakaian dan penampilan diri beliau sentiasa diperhatikan oleh masyarakat dan media. Berdasarkan situasi tersebut, maka RM500 untuk setiap pasang pakaian adalah jumlah yang relevan dan sesuai untuk keperluan pakaian P. Oleh itu, jumlah keperluan pakaian P untuk enam pasang adalah berjumlah RM3,000 (RM500 x 6 pasang).

E

F

G

H

[97] Bagi keperluan diri yang dipohon oleh P sememangnya diakui oleh mahkamah sebagai suatu keperluan *dharuriyyat*. P di dalam keterangannya menyatakan bahawa keperluan diri adalah alatan mandi, pembersihan diri, alat solek, penjagaan kulit (*skin care*) dan barang-barang keperluan wanita yang lain. Pada dokumen P10 terdapat pembelian keperluan diri seperti *premier tissue*, *kotex* dan *dettol wipes*. Pada P8a ada bil berkaitan dengan *dettol*, *dynamo* (cuci baju) yang mana kedua-dua bil tersebut tidak sampai RM100. Manakala D di dalam keterangannya berkaitan dengan alat solek P, beliau menyatakan bahawa tidak memperuntukkan secara khusus berhubung tetapi sebaliknya

I



A memberikan P wang untuk membeli alat solek tersebut dan pernah memberikan P sejumlah RM200 untuk tujuan tersebut.

[98] Pada hemat mahkamah, keperluan diri seorang isteri adalah melibatkan alatan mandi dan pembersihan diri seperti sabun, syampu, berus gigi, ubat gigi, dan tuala wanita. Memandangkan semasa D tinggal bersama dengan P sebelum Januari 2012, D ada menyediakan alat solek dan alat penjagaan kulit P, maka ia telah menjadi keperluan P yang perlu ditanggung oleh D. Oleh kerana tiada sebarang maklumat berkaitan dengan nilai barang keperluan diri P ini, maka jumlah RM150 sebulan jumlah sangat relevan dan sesuai dengan keperluan diri P. Berdasarkan tempoh masa dari Januari 2012 sehingga Julai 2013, maka jumlah keperluan diri P adalah berjumlah RM2,850 (RM150 x 19 bulan).

D [99] Kos keseluruhan bagi pakaian dan keperluan diri P yang dibenarkan oleh mahkamah adalah RM3,000 + RM2,850 berjumlah RM5,850.

Kos pengangkutan sebanyak RM1,000 sebulan

E [100] P di dalam keterangannya menyatakan bahawa P menuntut agar D membayar kos pengangkutan P sebanyak RM1,000 sebulan yang mana kos tersebut adalah meliputi kos petrol tol dan *servis* kereta yang dikeluarkan oleh P dalam tempoh pengabaian tersebut. P hanya menggunakan sebuah kenderaan sahaja iaitu Porsche Cayenne yang dibeli oleh P sendiri dan dalam pengetahuan D. P membayar anuran bulanan kereta tersebut tanpa bantuan D dan tidak menuntut pembayaran kereta tersebut. P menggunakan kereta tersebut untuk menjalankan urusan harian beliau di merata tempat dan terpaksa membelanjakan wang sendiri untuk membeli petrol, membayar tol dan juga kos pembaikan (*servis*) kereta secara pukol rata dalam jumlah tersebut pada setiap bulan. P menegemukakan resit petrol pada 10 April 2013 berjumlah RM200 ditandakan sebagai P5(a).

H [101] Ketika disoal balas, P menyatakan bahawa kos pengangkutan untuk kereta beliau yang meliputi tol dan *service*. P tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa D tidak pernah bersetuju untuk tanggung kos pengangkutan. P juga mengakui tiada apa-apa dokumen yang dilampirkan. SP1 dan SP2 sekata menyatakan bahawa P bekerja sebagai penggiat seni lakonan dan bekerja mengikut lokasi penggambaran. P bekerja dengan menaiki kereta milik beliau. I Semasa disoal balas, SP1 tidak setuju D tidak bertanggungjawab untuk sediakan kereta dan minyak untuk P. Ketika menjawab soalan mahkamah, P tidak pernah ada persetujuan D berkaitan dengan kos pengangkutan dan P tidak pernah setuju untuk menanggungnya.

[102] Semasa disoal balas, SP1 menyatakan P menggunakan kereta Porsche Cayenne (WPM 727) yang dibeli oleh P sebelum kahwin. D tidak menyediakan kereta kepada P dalam tempoh perkahwinan dan kereta tersebut digunakan untuk ke tempat kerja P. SP2 tidak bersetuju bahawa D tidak wajib tanggung minyak kenderaan P tersebut dan kenderaan itu digunakan oleh P untuk pergi bekerja untuk sara diri dan keluarganya.

A

B

[103] Manakala D di dalam keterangannya menjelaskan bahawa kos pengangkutan yang diminta adalah menjadi tanggungjawab P sendiri untuk keperluan kerjaya P dan bukan keperluan asas yang wajib ditanggung oleh D. Semasa disoal balas, D menyatakan tidak menyediakan pengangkutan P ke tempat kerja, D tidak mengetahui tentang kos pengangkutan P. Namun, D setuju bahawa P telah mengeluarkan kos pengangkutan dan D tidak bersetuju dengan amaunnya dan juga tidak mengetahui berapa jumlah kos tersebut. Semasa disoal balas, D menyatakan bahawa tiada perjanjian dengan P untuk beliau menanggung kos pengangkutan.

C

D

[104] Ketika disoal mahkamah, D menyatakan tidak ada memberikan sejumlah wang untuk pengangkutan sama ada untuk penyelenggaraan ataupun minyak dan P pergi ke tempat kerja dengan bawa kenderaan sendiri. D juga menjelaskan bahawa D tidak mengizinkan untuk P bekerja sebagai artis sejak berkahwin dan P berjanji akan berhenti dengan memperlahankan kerjaya seni P.

E

[105] Peguam P menghujahkan bahawa kos tersebut adalah wajib dibayar oleh D kerana ianya adalah menjadi tanggungjawab D untuk menyediakan keperluan tersebut dan D sendiri mengakui bahawa beliau tidak pernah menyediakan pengangkutan untuk P sepanjang D meninggalkan P. Kos pengangkutan tersebut adalah digunakan oleh P untuk bekerja bagi menampung keperluan dirinya dan anak-anak sepanjang D meninggalkan P selama tempoh 20 bulan. Tempoh tersebut adalah suatu tempoh yang lama dan sekiranya P tidak keluar bekerja, maka tiada pendapatan untuk perbelanjaan serta keperluan bagi diri P dan anak-anak. D juga langsung tidak pernah meninggalkan apa-apa barang berharga sebagai ganti kepada nafkah untuk diri P atau menghantar wakil memberikan nafkah untuk diri P. Suatu fakta yang perlu diberikan perhatian oleh mahkamah yang mulia ini bahawa tuntutan P untuk kos pengangkutan tersebut adalah tidak termasuk kenderaan, tetapi ianya hanyalah kos petrol dan tol sahaja. Oleh yang demikian, tuntutan tersebut adalah amat munasabah dan berpatutan untuk dipertimbangkan oleh mahkamah yang mulia ini.

F

G

H

I

[106] Peguam D menghujahkan kos tersebut bukanlah satu kewajipan bagi D sebagai suami. Kewajipan bagi suami dalam pemberian nafkah hanyalah berasaskan tujuh perkara dan kos pengangkutan adalah tidak termasuk.

- A mahkamah perlu menolak kos ini kerana kos pengangkutan bukanlah satu kewajipan D terhadap P dan tidak wujud kos pengangkutan semasa pihak-pihak hidup bersama. P juga hanya membuat andaian semata-mata tentang kos tersebut tanpa mempunyai bukti yang kukuh.
- B [107] Mahkamah — bagi kos pengangkutan yang melibatkan petrol, tol dan *service* kereta P iaitu RM1,000 sebulan yang berjumlah RM20,000 selama tempoh dakwaan sebagai nafkah yang wajib bagi P setiap bulan, mahkamah merujuk kepada keputusan Majlis Fiqh Sedunia dalam persidangannya yang ke-16 bertempat di Dubai pada 9–14 April 2005 telah membuat ketetapan seperti berikut:
- C Maksudnya: Jika keluarnya isteri bekerja memerlukan kos tambahan, maka isteri menanggung sendiri kos tersebut (seperti pengangkutan dan lain-lain).
- D [108] Melalui keterangan D, beliau mengakui bahawa tiada perjanjian di antara mereka berhubung dengan kos pengangkutan tersebut di dalam tempoh perkahwinan. Sepanjang tempoh perkahwinan mereka sebelum Januari 2012, D juga tidak ada memberikan sejumlah wang untuk pengangkutan sama ada untuk penyelenggaraan ataupun minyak dan P pergi ke tempat kerja dengan bawa kenderaan sendiri. Oleh itu, mahkamah berpuas hati bahawa D tidak pernah bersetuju untuk menanggung kos pengangkutan P dan tidak pernah menyediakan kos pengangkutan tersebut dalam tempoh perkahwinan mereka sebelum Januari 2012.
- E [109] Merujuk kepada kenyataan P, SP1 dan SP1, kos pengangkutan ini adalah untuk tujuan P ke tempat kerja bagi mencari untuk menyara dirinya dan anak-anak. Maka berdasarkan keputusan Majlis Fiqh Sedunia tersebut yang dipersetujui oleh mahkamah, D adalah tidak bertanggungjawab untuk menanggung kos pengangkutan tersebut. Justeru itu, mahkamah berpuas hati bahawa ia bukan menjadi kewajipan untuk D menanggungnya dan tuntutan P sebanyak RM1,000 sebulan yang berjumlah RM20,000 selama tempoh 20 bulan yang ditinggalkan oleh D adalah ditolak oleh mahkamah.
- Sewa rumah RM1,500 sebulan*
- H [110] P di dalam keterangannya menyatakan bahawa P dan D tinggal di No 47-1, Challis Damansara, Jalan PJU 3/30, Kota Damansara 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan sejak tahun 2011 sehingga sekarang. P dan D bersetuju untuk tinggal di alamat tersebut atas faktor kawasan tersebut mempunyai kawalan keselamatan yang baik dengan *sistem gated dan guarded* demi keselasaan dan keselamatan mereka serta anak-anak. P juga menjelaskan kos sewaan sebenar adalah sebanyak RM3,000 sebulan namun, P hanya menuntut RM1,500 kerana dari awal menduduki rumah tersebut, P dan D bersetuju untuk berkongsi untuk membayar sewa rumah tersebut secara sama
- I

rata dan D membayar perbelanjaan dan keperluan P serta rumahtangga. P mengemukakan bayaran rumah berjumlah RM3,000 pada tarikh 29 April 2013 yang ditandakan sebagai P4. A

[111] Semasa disoal balas, P setuju bahawa semasa D bekerja dengan ATM, majikan D sediakan rumah dan beliau tidak tahu di mana rumah tersebut. Semasa bekerja dengan JDT, P tidak mengetahui sama ada D disediakan rumah atau tidak. P menjelaskan mula menduduki rumah tersebut pada akhir 2010 atau pada awal tahun 2011 sehingga sekarang. Pada awal sewaan dengan harga RM2,500 dan kemudian pada tahun 2011, sewa rumah naik kepada RM3,000 P tidak pasti pada tahun 2012, D bekerja dengan siapa, namun ketika bersama dengan P, D bekerja dengan ATM. B  
C

[112] P juga menyatakan tidak bersetuju semasa D bekerja dengan ATM, D ada sediakan rumah di USJ. P juga tidak bersetuju D ada mengajak P tinggal di rumah yang telah disediakan di USJ. P juga menyatakan tidak bersetuju telah menolak pelawaan D untuk tinggal dan menetap di USJ. P menjelaskan tidak bersetuju menolak pelawaan D untuk tinggal dan menetap di USJ dan tidak bersetuju akibat keengganan memenuhi kehendak D untuk berpindah di USJ, D failkan kes nusyuz. P juga tidak bersetuju D ada mengajak untuk tinggal di Johor dan P juga tidak bersetuju enggan mengikuti D berpindah ke Johor. P tidak bersetuju dari Januari 2012 hingga Ogos 2013 D ada menyediakan rumah di USJ dan P juga tidak pasti pada Januari 2012 hingga Ogos 2013 D ada sediakan rumah di Johor. Semasa menjawab soalan mahkamah, P menyatakan bahawa di rumah tersebut P tinggal bersama dengan dua orang anaknya. D  
E  
F

[113] SP1 dan SP2 sekata menyatakan bahawa P tinggal di di No 47-1, Challis Damansara, Jalan PJU 3/30, Kota Damansara 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan yang merupakan rumah kelamin mereka. P masih tinggal di alamat tersebut sepanjang tempoh peninggalan D kerana SP1 ada beberapa kali melawat P dan anak-anaknya. Rumah tersebut disewa oleh P dan D selepas mereka berkahwin dan beliau ada bertanya kepada P dan P menyatakan beliau yang membayar sewa rumah tersebut setiap bulan. SP2 juga pernah beberapa kali menemankan P membuat bayaran sewa bulanan rumah tersebut. G  
H

[114] Semasa disoal balas, SP1 menyatakan beliau tidak pernah melihat P membayar duit sewa rumah dan tidak tahu majikan D menyediakan rumah semasa D bekerja dengan ATM dan JDT. SP1 tidak pernah dengar dari P bahawa D ada mengajak P tinggal di rumah majikannya semasa di ATM. Semasa disoal semula, SP1 menyatakan P tidak pernah berpindah ke rumah lain dalam tempoh yang didakwa. Berdasarkan makluman P, pembayaran rumah tersebut dibayar oleh P. SP2 tidak bersetuju dalam tempoh dakwaan, I

**A** ada sediakan rumah yang lain dan tidak bersetuju D tidak perlu sediakan kediaman kerana D telah sediakan kediaman yang lain.

**B** [115] D di dalam keterangannya menyatakan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar kerana P yang enggan mengikut saya untuk berpindah ke rumah yang disediakan oleh majikan D iaitu ATM semasa D bermain dengan pasukan tersebut dengan alasan rumah yang disediakan oleh ATM tersebut bukan rumah kelamin. D tidak menafikan di dalam keterangannya bahawa pada awal perkahwinan, rumah yang mereka duduki adalah atas persetujuan bersama, namun sekiranya D berpindah, P sepatutnya perlu mengikut berpindah ke rumah yang disediakan oleh oleh majikan beliau. D telah menyediakan rumah kediaman di USJ One Avenue, Subang Jaya dan D mengambil keputusan untuk berpindah ke rumah tersebut bagi menjimatkan kos.

**D** [116] D menyatakan keengganan P tersebut telah menyebabkan D tawar hati dan bertindak keluar dari rumah kelamin tersebut dan tinggal bersendirian di rumah yang telah disediakan oleh majikan beliau. D ada mengajak P untuk tinggal bersama, namun P enggan dan tetap berkeras untuk tinggal di rumah sewa tersebut. P berbohong apabila menyatakan D tidak mengajak P berpindah dan tidak tahu D ada menyediakan kediaman lain untuk P. D menjelaskan lagi, sepanjang tempoh tinggal berasingan, D tetap menunaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada P.

**F** [117] D menyatakan bahawa beliau telah menyediakan rumah kediaman untuk P beserta keperluan asas yang lain seperti air dan elektrik. Sekiranya P mengikut D berpindah ke rumah yang telah disediakan tersebut, P tidak perlu langsung mengeluarkan duit untuk membayar separuh daripada bayaran sewa rumah tersebut. P yang enggan dan berkeras untuk tidak mengikut saya berpindah ke rumah yang telah disediakan tersebut sudah tentu ianya tidak relevan untuk dituntut kerana P yang enggan berpindah mengikut beliau. D telah mengemukakan surat pengesahan tanggungan sewa dan bil utiliti dari Persatuan Bola Sepak ATM bertarikh 18 Mei 2015 ditandakan sebagai D13 dan surat Pengesahan Majikan — Penyediaan Rumah Sewa dari Kelab Bola Sepak JDT bertarikh 12 Mei 2015 ditandakan sebagai D12.

**I** [118] Semasa disoal balas, D mengakui bahawa semasa tinggal di rumah kelamin, sewanya adalah sebanyak RM3,000 sebulan dan telah tinggal di situ lebih kurang empat tahun. D juga mengakui atas persetujuan bersama, sewa rumah dibahagi dua dengan kadar RM1,500 seorang. D setuju bahawa P tidak mereka-reka cerita mengenai tuntutan tersebut dan D juga bersetuju sepanjang tempoh 20 bulan D tidak ada membayar jumlah tersebut. D juga bersetuju dalam tempoh tersebut, P yang membuat bayaran pada bahagian P dan D tidak bersetuju untuk membayar semula kerana D mempunyai rumah sendiri

yang beralamat di No 12, Tingkat 12, USJ 1, One Avenue, USJ yang mulai diduduki pada Januari 2012 hingga tamat kontrak dengan majikan ATM pada hujung tahun 2012. D menyatakan bahawa rumah tersebut telah disediakan oleh majikan beliau. D bersetuju dokumen D13 tidak mengesahkan alamat tersebut.

A

B

[119] D juga menjelaskan ada mengajak P untuk tinggal di USJ dengan cara menghantar mesej. D juga mengakui tidak ada berbincang dengan P sebelum berpindah ke USJ. D bersetuju membawa barang-barang keluar dari rumah kelamin sewaktu P tiada di rumah. D telah membawa keperluan peribadinya yang menunjukkan D bertekad untuk tidak kembali ke rumah tersebut. D juga tidak pernah memberi notis alamat rumah di USJ kepada P.

C

[120] Ketika D disoal semula, D menjelaskan bahawa rumah di USJ ditentukan oleh D dan dibayar oleh majikan D. D juga mengesahkan tidak ada beri alamat lengkap kepada P selepas berpindah kerana P tidak mahu ikut berpindah, di samping P juga tidak ada minta alamat baru dan tidak minta untuk ambil P tinggal di rumah USJ.

D

[121] SD1 menyatakan bahawa D telah menyediakan rumah untuk P semasa mereka berkahwin, namun P yang enggan mengikut D berpindah. Semasa bermain dengan ATM, D telah menyediakan kediaman di USJ One Avenue, Subang Jaya yang mana ia berdekatan dengan rumah SD1. Ia disediakan oleh majikan D. Semasa bermain dengan JDT, D menyediakan rumah untuk P di Bandar Baru Uda, Johor Bahru. SD1 yakin dari segi tempat tinggal, keperluan asas tempat tinggal telah disediakan oleh D sepanjang tempoh dakwaan tersebut selain kiriman wang.

E

F

[122] Semasa soal balas, D pernah cerita kepada beliau mengajak P berpindah ke USJ. SD1 tidak mendengar apa perbualan P dan D tentang ajakan tersebut. D tinggal di rumah sewa di Johor Bahru dan tidak mengetahui berapa jumlah sewaanannya. Semasa disoal semula, SD1 menyatakan bahawa beliau pernah pergi ke rumah D di USJ dan di Bandar Uda, Johor Bahru. Kelengkapan asas rumah di situ cukup termasuk perabut, elektrik, air dan Astro.

G

H

[123] Peguam P menghujahkan bahawa, rumah di USJ One Avenue bukanlah rumah kelamin P dan D. Rumah kelamin P sejak dari awal perkahwinan adalah di Challis Damansara, Petaling Jaya sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Tidak pernah ada persetujuan atau perbincangan antara P dan D untuk membatalkan persetujuan membayar sewa rumah tersebut secara bersama sebagaimana kenyataan D semasa sesi soal balas. D yang telah keluar dari rumah kelamin di Challis Damansara semasa P tiada di rumah dan pihak D sendiri mengakui semasa sesi soal balas bahawa beliau tidak pernah memberikan alamat rumah baru di USJ One Avenue kepada P.

I

- A** Tiada juga perbincangan antara P dan D sebelum D keluar rumah bahawa rumah di Challis Damansara itu bukan lagi dijadikan rumah kelamin mereka. Maka, ini menunjukkan bahawa rumah yang didiami P adalah rumah kelamin P dan D sejak dari awal perkahwinan lagi dan dihujahkan bahawa D yang telah keluar meninggalkan rumah kelamin tanpa sebab yang patut menurut Hukum Syarak sehingga mengabaikan tanggungjawabnya kepada P dan anak-anak.

- B**
- C** [124] Peguam P juga menghujahkan bahawa tidak ada alasan yang kukuh yang diberikan oleh D untuk mengajak P berpindah dan keluar daripada rumah kelamin kerana rumah kelamin yang didiami oleh P lebih selamat dan dilengkapi dengan kawalan keselamatan yang baik dengan *system gated* dan *guarded*. Rumah kelamin di Challis Damansara telah didiami oleh P dan D sejak dari awal perkahwinan iaitu pada tahun 2008 dan oleh kerana tiada perbincangan terlebih dahulu antara mereka yang menyatakan bahawa rumah tersebut bukan lagi rumah kelamin, maka P beranggapan bahawa rumah tersebut masih lagi berstatus rumah kelamin walaupun D yang telah keluar rumah dan P tidak mengikut D. Jika D benar-benar mengajak P berpindah, sudah tentu D tidak akan keluar daripada rumah tersebut secara senyap dan sewaktu P tiada di rumah. Malah secara logiknya juga, jika P enggan berpindah bersama D, semestinya D mengambil tindakan *nusyuz* ke atas P di atas keengganan tersebut. Namun begitu, sehingga berlakunya perceraian, tidak ada perintah sabitan *nusyuz* ke atas P dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah. Oleh yang demikian, keberadaan P di rumah asal kelamin mereka adalah bertepatan dengan kehendak hukum Syarak dan D hendaklah menanggung keseluruhan kos sewaan tersebut.

- D**
- E**
- F**
- G** [125] Peguam D menghujahkan bahawa jumlah atau sewa yang dikenakan tersebut jelas diakui oleh D setakat dalam pengetahuannya. Bagaimanapun, D telah menyediakan rumah kediaman untuk P beserta dengan keperluan asas yang lain seperti air dan elektrik. Rumah tersebut terletak di USJ One Avenue, Subang Jaya dan juga di Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Malah, berdasarkan ekshibit yang ditandakan sebagai D13 jelas menunjukkan bahawa wang sewa rumah dan juga bil-bil utiliti ditanggung sepenuhnya oleh majikan D.
- H** [126] Peguam D menghujahkan bahawa tiada sebab P menolak ajakan D untuk berpindah ke rumah yang disediakan dan P sendiri dengan rela hatinya mengeluarkan wang sendiri untuk membayar sewa rumah yang beliau duduki kerana enggan berpindah. Jelas bahawa sekiranya P mengikut D berpindah ke rumah yang telah disediakan tersebut, P tidak perlu mengeluarkan wang untuk membayar separuh dari bayaran rumah sewa tersebut. Namun, P yang enggan dan berkeras untuk tidak mengikut D berpindah ke rumah yang telah disediakan tersebut. Maka, adalah tidak relevan kos rumah sewa tersebut dituntut sebagai nafkah tertunggak P. Dalam tempoh 20 bulan tersebut sebelum perceraian berlaku adalah jelas pihak yang rela dan ingin membayar
- I**

sewa rumah tersebut adalah P kerana D dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau enggan membayar sewa rumah tersebut bagi menjimatkan kos dan disebabkan itu beliau mengajak P berpindah ke rumah yang disediakan oleh majikan D.

A

[127] Mahkamah — Bagi tuntutan P berhubung tempat tinggal, P menuntut separuh kos sewa rumah kelamin mereka di Challis Damansara sebanyak RM1,500 yang berjumlah RM30,000 dalam tempoh dakwaan P. Berhubung dengan tempat tinggal, firman Allah SWT dalam surah *At-Talaq*, ayat 6 menyatakan:

B

Maksudnya: Tempatkanlah mereka (isteri-isteri itu) di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu.

C

[128] Bagi isu tempat tinggal ini, D telah mengakui bahawa rumah sewa mereka di Challis Damansara merupakan rumah kelamin mereka sebelum D berpindah keluar pada Januari 2012. D juga mengakui bahawa bayaran sewa rumah tersebut adalah sebanyak RM3,000 yang dikongsi bersama dengan P berjumlah RM1,500 setiap orang. Pengakuan P ini selari dengan kehendak s 17, 18 dan 45 EKMS 2003.

D

[129] D di dalam keterangannya menyatakan bahawa semasa bekerja dengan pasukan ATM rumah telah disediakan oleh majikannya di USJ One Avenue, Subang Jaya. P telah mengemukakan surat Pengesahan Tanggungan Sewa dan Bil Utiliti dari Persatuan Bola Sepak ATM bertarikh 18 Mei 2015 ditandakan sebagai D13. Surat tersebut mengesahkan bahawa:

E

Dengan segala hormat dan takzimnya, Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera mengesahkan bahawa Mohd Aidil Zafuan bin Abdul Razak adalah bekas pemain yang mewakili Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera di dalam Liga Malaysia bagi musim 2011/2012. Sepanjang tempoh bersama pasukan ATM, *segala bayaran sewa rumah dan bil utiliti adalah ditanggung oleh Pasukan Bolasepak ATM selaku majikan*. Tanggungan tersebut adalah mulai Disember 2011 sehingga November 2012.

F

G

[130] Semasa D bermain dengan pasukan JDT, D disediakan rumah sewa dan surat Pengesahan Majikan — Penyediaan Rumah Sewa dari Kelab Bola Sepak JDT bertarikh 12 Mei 2015 ditandakan sebagai D12. Surat tersebut menyatakan bahawa:

H

Adalah dimaklumkan bahawa penama di bawah merupakan kakitangan Persatuan Bolasepak Negeri Johor:

Nama: Mohamad Aidil Zafuan bin Abd Razak

I

No K/P: 870803-05-5339

Untuk makluman pihak tuan, Persatuan ini telah *menyediakan rumah sewa* untuk penama sepanjang perkhidmatan beliau di Persatuan ini.



- A** [131] Berdasarkan dokumen D13, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa pasukan ATM tidak menyediakan rumah untuk D, namun sebaliknya menanggung bayaran sewa rumah dan bil utiliti rumah sewa tersebut. Oleh itu, dakwaan D bahawa majikan beliau (ATM) telah menyediakan rumah sewa atau tempat penginapan di USJ One Avenue, Subang Jaya adalah tidak benar.
- B** Manakala merujuk kepada dokumen D12, mahkamah berpuas hati bahawa ketika bermain dengan pasukan JDT, majikan D telah menyediakan rumah sewa untuk D. Melalui keterangan SD1, mahkamah berpuas hati bahawa rumah sewa tersebut adalah terletak di Bandar Baru Uda, Johor Bahru.
- C** Persoalannya yang timbul sekarang, *adakah P masih wajar menuntut kos sewaan rumah di Chalis Damansara sedangkan wujudnya penginapan di USJ One Avenue, Subang Jaya dan di Bandar Baru Uda, Johor Bahru?*
- D** [132] Berdasarkan kenyataan D semasa disoal balas, D mengakui tidak ada berbincang dengan P sebelum berpindah ke USJ One Avenue, Subang Jaya. D juga mengakui membawa barang-barang keluar dari rumah kelamin sewaktu P tiada di rumah serta tidak pernah memberi notis berrkaitan alamat rumah di USJ kepada P. Mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa perpindahan D ke USJ One Avenue, Subang Jaya adalah tanpa pengetahuan P. Maka dalam hal ini, P tidak wajar dipersalahkan jika tidak mengikut D berpindah ke USJ One Avenue, Subang Jaya. D juga gagal menyatakan sebab yang relevan untuk berpindah ke situ kecuali hanya kenyataan bagi menjimatkan kos. Oleh itu, tiada keperluan untuk P berpindah ke rumah USJ One Avenue, Subang Jaya, sedangkan D boleh menjadikan rumah kelamin mereka di Challis Damansara sebagai tempat kediaman yang dibiayai oleh majikan D beserta bil-bil utilitinya.
- E**
- F**
- G** [133] Setelah D berpindah ke USJ One Avenue, Subang Jaya, D menyatakan ada mengajak P untuk tinggal di USJ dengan cara menghantar mesej. Tiada bukti dikemukakan oleh D berhubung dengan perkara tersebut. P semasa disoal balas tidak bersetuju semasa D bekerja dengan ATM, D ada sediakan rumah di USJ. P juga tidak bersetuju D ada mengajak P tinggal di rumah yang telah disediakan di USJ.
- H** [134] Melihat situsi ini, mahkamah sangat bersetuju dengan hujahan peguam P yang menyatakan bahawa jika D benar-benar mengajak P berpindah, sudah tentu D tidak akan keluar daripada rumah tersebut secara senyap dan sewaktu P tiada di rumah. Malah secara logiknya juga, jika P enggan berpindah bersama D, semestinya D mengambil tindakan *nusyuz* ke atas P di atas keengganan tersebut. Namun begitu, sehingga berlakunya perceraian, tidak ada perintah sabitan *nusyuz* ke atas P dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah.
- I**
- [135] Berdasarkan ulasan yang dikemukakan tersebut, mahkamah berpuas hati menyatakan P adalah layak untuk menuntut separuh bayaran sewa rumah

kelamin mereka sebanyak RM1,500 sejak D keluar rumah pada bulan Januari 2012 sehingga Disember 2012 semasa bekerja dengan pasukan ATM yang berjumlah RM18,000. A

[136] Setelah D berpindah ke pasukan JDT, adalah diakui bahawa beliau telah disediakan rumah sewa sebagai penginapan D di Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Tiada bukti yang menunjukkan D mengajak P berpindah ke sana dan perkara ini dinafikan oleh P bahawa D ada mengajak beliau untuk tinggal di Johor. P tidak bersetuju telah enggan mengikut D berpindah ke Johor. Sejak D bermain dengan pasukan JDT mulai Januari 2013, tiada sabitan *nusyuz* dikenakan ke atas P kerana enggan mengikut D berpindah ke Johor. Berdasarkan ulasan tersebut, mahkamah berpuas hati bahawa P juga layak untuk menuntut separuh daripada kos sewa rumah kelaminnya di Challis Damansara berjumlah RM1,500 setiap bulan. Oleh itu, sejak Januari 2013 sehingga mereka bercerai pada 4 Ogos 2013, jumlah yang P layak adalah RM10,500. B C D

[137] Jumlah keseluruhan bagi kos penginapan P adalah sebanyak RM28,500 (RM18,000 + RM10,500). Memandangkan kos penginapan ini dibenarkan oleh mahkamah, maka kos terhadap bil utiliti sebanyak RM11,380 juga dibenarkan. E

[138] Kesimpulan — berdasarkan lima pecahan bentuk nafkah yang dituntut oleh P di dalam kes ini, mahkamah hanya membenarkan lima sahaja tuntutan P iaitu kos makan-minum berjumlah RM22,800, kos bil utiliti sebanyak RM11,380, kos pakaian dan keperluan diri sebanyak RM5,850 dan kos penginapan sebanyak RM28,500 yang berjumlah keseluruhannya RM68,530. F

Kemampuan D G

[139] P dalam keterangan utamanya menyatakan bahawa D seorang yang berjaya dan mempunyai pendapatan serta kemampuan untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Semasa D meninggalkan P sehingga sekarang, D bekerja sebagai pemain bola sepak professional bagi pasukan kebangsaan di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan juga pasukan Negeri Johor Darul Takzim (JDT) di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ). D meraih pendapatan lumayan sebagai pemain bola sepak yang profesional, di mana beliau pernah memaklumkan kepada P bahawa beliau memperolehi pendapatan lebih daripada RM50,000 sebulan berdasarkan kontraknya sebagai pemain JDT dan FAM sebagai Pemain Kebangsaan. D ada memberitahu P sewaktu bersama pasukan ATM, gaji D adalah sebanyak RM25,000. Oleh kerana D mempunyai pendapatan besar, D mampu memiliki kereta mewah seperti Mercedes CL S350 dan juga motosikal berkuasa tinggi iaitu Ducati Monster. Perkara tersebut telah diakui oleh D H I

- A** sendiri sewaktu perbicaraan tuntutan nafkah anak di MRS Daerah Petaling yang lalu. Tiada sebarang dokumentasi dikemukakan oleh P berhubung dengan pendapatan D.
- B** [140] Semasa disoal balas, P menyatakan pada Januari 2012, D bekerja dengan ATM di Petaling Jaya dan P tidak pasti P bekerja dengan ATM sehingga bila. Selepas ATM, D bertukar kerja dengan JDT. Semasa P keluar dari rumah kelamin, D kerja dengan ATM dan P tidak mengetahui bila D bekerja dengan JDT. Semasa keluar dari rumah, D menggunakan kereta Mercedes tersebut dan tidak mengetahui tentang kenderaan tersebut. D ada
- C** membeli motosikal Ducati Monster semasa D bersama dengan P dan menyatakan bahawa ada perbezaan pendapatan semasa D bekerja dengan ATM dan JDT.
- D** [141] SP1 di dalam keterangannya menyokong dakwaan P tentang pekerjaan D ini iaitu sebagai pemain bola sepak professional bagi pasukan kebangsaan di bawah FA dan juga pasukan JDT di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ). P memaklumkan kepadanya bahawa D memperolehi pendapatan lebih RM50,000 sebulan berdasarkan kontrak sebagai pemain JDT dan
- E** pemain kebangsaan. D memiliki kereta Mercedes CLS 350 dan motosikal Ducati Monster. Kereta dan motosikal tersebut telah diakui sendiri oleh D sewaktu perbicaraan tuntutan nafkah anak di MRS Daerah Petaling Jaya, tambahan SP1 sendiri melihat D memandu kereta jenis Mercedes tersebut sebelum ini dan juga disahkan oleh P. Semasa disoal balas, SP1 menyatakan
- F** bahawa hanya tahu pendapatan D daripada P dan SP1 tidak pernah bertanya D tentang pendapatan beliau. SP1 tidak pasti kereta Mercedes tersebut milik D tetapi pernah melihat D membawanya. SP1 yakin D ditawarkan gaji lumayan kerana pasukan JDT merupakan pasukan berstatus bintang dan telah melabur dengan membeli pemain berkualiti dengan tawaran gaji yang lumayan.
- G** [142] SP2 menyatakan bahawa sewaktu D meninggalkan P dan sehingga sekarang, D bekerja sebagai Pemain bola sepak professional bagi pasukan kebangsaan di bawah FAM dan juga pasukan JDT di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ). Tentang pekerjaan D ini, SP2 yakin ia diketahui
- H** umum kerana beliau merupakan seorang pemain bolasepak yang berjaya berstatus bintang. D pernah memaklumkan kepada P bahawa D memperolehi pendapatan lebih daripada RM50,000 sebulan berdasarkan kontraknya sebagai pemain JDT dan FAM sebagai pemain kebangsaan. D memiliki kereta mewah seperti Mercedes CL S350 dan juga motosikal berkuasa tinggi iaitu
- I** Ducati Monster. Berkenaan kereta dan motosikal tersebut telah diakui sendiri oleh D sewaktu perbicaraan tuntutan nafkah anak di MRS Daerah Petaling Jaya, tambahan SP2 sendiri melihat D memandu kereta jenis Mercedes tersebut sebelum ini dan juga disahkan oleh P. Terbaru, D memiliki kereta Audi Q7 yang digunakan sekarang. Semasa disoal balas, SP2 menyatakan bahawa

pendapatan P ini hanya diketahui melalui P. Mengenai kenderaan, SP2 pernah melihat kenderaan-kenderaan tersebut dan pernah melihat D memandu kereta tersebut. D juga mengakui memiliki motosikal melalui laporan bicara di MRS Petaling Jaya.

A

[143] D di dalam keterangannya semasa dalam tempoh perkahwinan dengan P, D merupakan pemain bola sepak untuk pasukan ATM dan sekarang bermain untuk pasukan JDT. D menjelaskan bahawa pendapatan bersih bulanan semasa bermain dengan pasukan ATM adalah sebanyak RM12,000 dan bermain dari tahun 2012 hingga 2013. Manakala pendapatan D bermain untuk pasukan JDT pada waktu tersebut adalah sebanyak RM15,000 dan bermain untuk pasukan JDT dari tahun 2013 sehingga sekarang. D menafikan dakwaan P semasa bermain dengan ATM bergaji RM25,000 sebulan. D hanya membeli kereta BMW320 (NCL 87) yang dibeli pada 20 Jun 2011, manakala Mercedes CLS350 (NCL 87) yang dibeli tahun 2012 adalah ditanggung oleh majikan beliau. D hanya menanggung kereta BMW320 sahaja, manakala motosikal tersebut telah dijual pada tahun 2012.

B

C

D

[144] Semasa soal balas, D tidak bersetuju pendapatan mencecah RM25,000 sebulan. D menyatakan bahawa pendapatan hanya RM12,000 pada tahun 2013, manakala pendapatan beliau sekarang hanya RM15,000. D mengakui bahawa memiliki kereta Mercedes CLS350 dan motosikal Ducati Monster semasa bersama dengan pasukan ATM. D tidak mempunyai bukti bahawa kereta Mercedes tersebut dibayar oleh majikannya. Bayaran kenderaan-kenderaan tersebut tidak kurang daripada RM5,000 sebulan. Semasa disoal semula, D menyatakan bahawa kereta Mercedes CLS dibayar oleh majikannya, manakala BMW beliau yang bayar. Semasa bersama ATM, tiada kemudahan elaun kenderaan, sebaliknya ketika bersama pasukan JDT, elaun kenderaan dibayar oleh majikannya.

E

F

G

[145] SD1 semasa disoal balas tidak mengetahui tentang gaji D, akan tetapi gaji D adalah lebih tinggi daripada beliau. D mempunyai kereta mewah iaitu Audi dan Velfire serta ada membuka cafe di Johor. SD1 tidak mengetahui tentang tanggungan kereta dan motosikal bulanan beliau. D mampu untuk tanggungan setiap bulan dan tidak pasti sama ada wujud tunggakan atau tidak. Semasa menjawab soalan mahkamah, SD1 menyatakan bahawa semasa D bermain dengan ATM, D tidak mempunyai masalah kewangan dan tidak pernah pinjam duit daripada beliau. D juga tidak mempunyai masalah kewangan ketika bermain dengan JDT dan tidak pernah meminjam duit daripadanya.

H

I

[146] Peguam P menghujahkan merupakan seorang pemain bola sepak profesional dan beliau pernah memaklumkan kepada P bahawa pendapatannya adalah sebanyak RM50,000 sebulan berdasarkan kontraknya

- A** sebagai Pemain Persatuan Bola Sepak JDT dan Persatuan Bola Sepak Malaysia sebagai pemain kebangsaan sehingga sekarang. Menurut keterangan P, SP1 dan SP2, D mempunyai pendapatan besar sehingga beliau mampu memiliki kereta mewah seperti Mercedes CLS350, dan juga motorsikal berkuasa tinggi iaitu Ducati Monster serta memiliki sebuah kereta Audi Q7 yang digunakannya
- B** sehingga sekarang. D juga mengakui bahawa beliau memiliki sebuah kereta BMW320 yang telah dibelinya pada tahun 2011. D tiada bukti bahawa kereta Mercedes CLS350 adalah ditanggung oleh majikan D dan juga tiada bukti bahawa beliau telah menjual motorsikal berkuasa tinggi iaitu Ducati Monster tersebut. Peguam P menghujahkan disebabkan tiada sebarang bukti kukuh
- C** yang dikemukakan oleh D bahawa beliau tidak mampu dan mempunyai banyak tanggungan semasa, maka dihujahkan bahawa D adalah berkemampuan untuk membayar sebagaimana jumlah yang dituntut oleh P.
- D** [147] Peguam D menghujahkan bahawa D sebagai pemain bola sepak mempunyai pendapatan yang tidak tetap dan hanya bergantung kepada pengurusan kelab bola sepak yang diwakilinya. Semasa dalam tempoh 20 bulan tersebut pendapatan D adalah sebanyak RM12,000 semasa bermain untuk pasukan ATM. Manakala pendapatan D ketika bersama JDT adalah sebanyak RM15,000 dari tahun 2013 sehingga kini.
- E**
- [148] Mahkamah — Penetapan kadar nafkah hendaklah berdasarkan kemampuan semasa D pada ketika itu dan tidak boleh diambilkira berdasarkan kemampuan sekarang. Mahkamah merujuk kitab *Al-Fiqh Al Manhaji*, Jld 4, hlm 944 ada menyatakan:
- F**
- Jika isteri makan dan tinggal bersama suaminya sebagaimana yang biasa berlaku pada hari ini tanpa adanya perjanjian yang menentukan kadar tertentu makanan asasi dan al-udm yang mesti diberikan kepada isteri, nafkah ini dikira sebagai tamkin dan bukan tamluk. Kewajipan tersebut digugurkan dengan berlalunya masa
- G** (tidak diberikan pada masanya). Jika isteri membuat perjanjian yang menentukan kadar nafkah yang tertentu dengan suaminya, ataupun Qadi telah mewajibkan suami membayar kadar nafkah yang tertentu kepadanya, ketika itu nafkah tersebut mempunyai kadar tertentu dan mesti diberikan walaupun masa yang sepatutnya diberikan telah berlalu. Nafkah jenis ini dikira sebagai tamluk (pemilikan). Isteri boleh meminta benda lain yang disukainya sebagai ganti kepada nafkah tersebut.
- H**
- [149] Berdasarkan kepada nas tersebut, sekiranya di dalam sesebuah perkahwinan, suami dan isteri telah mencapai satu persetujuan berkenaan dengan pemberian nafkah secara tetap maka nafkah yang tetap itu akan menjadi terhutang ke atas suami sekiranya suami gagal untuk memberikan nafkah tersebut dan keadaan ini dinamakan sebagai *tamluk*. Namun begitu, sekiranya di dalam sesebuah perkahwinan itu tidak mempunyai apa-apa persetujuan berkenaan dengan nafkah isteri dan isteri menerima apa sahaja nafkah yang disediakan oleh suaminya maka keadaan ini dinamakan *tamkin*.
- I**

Jika sekiranya suami gagal memberikan nafkah, ia tidak menjadi hutang.

A

[150] Nafkah berbentuk *tamkin* tidak menetapkan kadar, masa dan tempoh sesuatu nafkah itu perlu diberikan. Ia bergantung sepenuhnya kepada kemampuan suami. Mahkamah merujuk kepada kes *Juliah Abdullah lwn Omar Charles Abdullah* [2011] 1 CLJ (Sy) 336, di mana hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menyatakan:

B

Hukum syarak tidak menetapkan kepada suami untuk memberi nafkah kepada isteri berbentuk wang ringgit sama ada secara bulanan atau berkala. Apa yang diwajibkan oleh Hukum Syarak ialah suami menyediakan makan, minum, pakaian dan tempat tinggal kepada isteri.

C

Ini bermakna, apabila seorang suami telah menyediakan tempat kediaman, menyediakan barang makanan, minuman dan pakaian mengikut kemampuan suami maka terlaksanalah kewajipan memberi nafkah yang dipertanggungjawabkan oleh syarak kepadanya. Walau bagaimanapun, sekiranya di dalam sesebuah perkahwinan, suami dan isteri telah mencapai satu persetujuan berkenaan dengan pemberian nafkah secara tetap maka nafkah yang tetap itu akan menjadi terhutang ke atas suami sekiranya suami gagal untuk memberikan nafkah tersebut. Keadaan ini dinamakan sebagai tamlik.

D

Akan tetapi, sekiranya di dalam sesebuah perkahwinan itu tidak mempunyai apa-apa persetujuan berkenaan dengan nafkah isteri, isteri menerima apa sahaja nafkah yang disediakan oleh suaminya maka keadaan ini dinamakan tamkin. Di dalam keadaan ini, sekiranya suami gagal memberikan nafkah, ia tidak menjadi hutang.

E

F

[151] Bagi kes ini, berdasarkan keterangan P, D dan saksi kedua-dua pihak, adalah dibuktikan bahawa sejak Januari 2012 sehingga Ogos 2013, D adalah merupakan pemain bola sepak dengan pasukan ATM sehingga Disember 2012 dan pemain bola sepak pasukan JDT selepas berkhidmat dengan pasukan ATM. D juga turut menjadi pemain kebangsaan dalam mewakili negara di bawah FAM. Dakwaan P yang menyatakan D mempunyai pendapatan sebanyak RM25,000 sebulan ketika mewakili ATM dan berpendapatan sebanyak RM50,000 sebulan ketika bersama dengan pasukan JDT, gagal dibuktikan melalui dokumentasi. Manakala kenyataan D bahawa ketika bermain dengan pasukan ATM, pendapatannya hanya sebanyak RM12,000 sebulan dan sebanyak RM15,000 sebulan ketika bersama pasukan JDT hanya dakwaan yang juga tidak dibuktikan melalui dokumentasi sama ada slip gaji atau pernyataan bank atau daripada kontrak yang ditandatangani antara D dengan majikannya. Oleh itu, kedua-dua pihak gagal membuktikan dakwaan masing-masing.

G

H

I

[152] Merujuk kepada keputusan mahkamah yang diberikan di dalam kes tuntutan mut'ah yang turut melibatkan kedua-dua pihak melalui kes Saman

A No 10300–016–0360 Tahun 2014, YA hakim bicara menyatakan tentang situasi pendapatan D semasa mereka bercerai pada 4 Ogos 2013, iaitu:

B Mahkamah bersetuju dengan hujahan Peguam P bahawa keadaan majikan D iaitu pasukan JDT merupakan pasukan yang mampu menggajikan pemain berstatus bintang seperti D dan kemampuan D memiliki kenderaan mewah seperti kereta Mercedes CL S350 dan motosikal Ducati Monster menunjukkan bahawa P mempunyai pendapatan bulanan yang tinggi. Walaupun P dan SD1 menyatakan D menjalankan kehidupan secara sederhana, namun keadaan P sebagai Pemain bolasepak berstatus bintang yang berkhidmat dengan pasukan JDT yang mempunyai dana kewangan yang besar, mewakili negara dan mempunyai kenderaan mewah adalah qarinah menunjukkan D mempunyai pendapatan bulanan yang tinggi setiap bulan. Melalui pengakuan D yang selari dengan s 17 EKMS 2003, mahkamah menerima kenyataan D dan berpuas hati menyatakan bahawa pendapatan bulan D gaji beliau tidak kurang RM15,000 sebulan semasa bercerai dengan P.

D [153] Justeru itu, memandangkan tiada bukti dokumentasi dikemukakan oleh kedua-dua pihak, dan berpandukan kepada rujukan kes di atas, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa D mempunyai pekerjaan tetap sebagai pemain bolasepak profesional dengan pasukan ATM dan JDT serta pemain kebangsaan semasa tempoh dakwaan P iaitu dari Januari 2012 sehingga 4 Ogos 2013. Melalui pengakuan D yang selari dengan s 17 EKMS 2003 serta kewujudan kenderaan-kenderaan mewah D dalam tempoh tersebut menunjukkan bahawa D mempunyai pendapatan yang tinggi dan lumayan sebagai pemain bola sepak profesional.

E [154] Oleh itu, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa pendapatan D semasa bersama pasukan ATM adalah tidak kurang daripada RM12,000 dan pendapatan D ketika bersama pasukan JDT adalah tidak kurang daripada RM15,000 sebulan. Berdasarkan jumlah pendapatan bulanan yang diterima oleh D setiap bulan dan dengan pemilikan kenderaan-kenderaan mewah menunjukkan bahawa D seorang yang berkemampuan untuk menanggung nafkah P sebagai isteri kepadanya.

F *Isu ketiga: sama ada defendan menunaikan nafkah kepada plaintif atau sebaliknya*

G [155] P di dalam keterangannya menyatakan bahawa D telah gagal membayar nafkah kepada P selepas beliau keluar dari rumah kelamin mereka sehingga beliau menceraikan P. Beberapa pembayaran dibuat dalam tempoh masa tersebut hanyalah untuk anak-anak semata-mata dan itupun tidak mencukupi sehingga P terpaksa menanggung kekurangan dan membuat tuntutan nafkah anak-anak di MRS Petaling Jaya. Kes tersebut difailkan sewaktu D

meninggalkan P dan anak-anak. D tidak meninggalkan sebarang wang simpanan atau barang berharga yang boleh digunakan sebagai nafkah sepanjang tempoh masa tersebut. A

[156] Semasa disoal balas, P menyatakan dari Januari 2012 sehingga Ogos 2013, beliau tidak bersetuju D ada masukkan duit ke dalam akaun Maybank P. D mula masuk duit sejak Mei 2012 dan P tidak bersetuju bahawa P ada masukkan duit secara konsisten sejak Mei 2012 sehingga Ogos 2013. P tidak bersetuju bahawa D masukkan duit secara konsisten dari Mei 2012 sehingga Disember 2012, di mana P tidak pasti bulan berapa dan berapa kali D tidak masukkan duit. Walaubagaimanapun, P setuju sepanjang tahun 2013, D ada memasukkan duit ke dalam akaun beliau. B  
C

[157] P juga menyatakan bahawa bagi tahun 2012, D tidak konsisten masukkan duit iaitu di antara RM1,000 sehingga RM2,000. Jumlah duit masuk dari Januari 2013 sehingga Disember 2013 adalah secara konsisten RM2,000. Duit-duit yang D masukkan ini tidak digunakan untuk P dan beliau tidak setuju bahawa jumlah duit ini memadai untuk P dan anak-anak. P tidak setuju tidak pernah bercakap kepada D bahawa duit tersebut tidak cukup. P ada bercakap dengan D ketika berjumpa dan melalui sms. D  
E

[158] SP1 dan SP2 sekata menyatakan bahawa D tidak ada meninggalkan sebarang harta sebagai tukar ganti kepada nafkah terhadap P. Tiada wakil dihantar oleh D untuk bayar nafkah bagi pihaknya kepada P sepanjang tempoh masa tersebut. Semasa disoal balas, SP2 menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju D masukkan wang ke dalam akaun P walaupun tinggal berasingan kerana P tidak pernah ceritakan kepadanya. F

[159] D di dalam keterangannya menyatakan telah memberi nafkah kepada P dengan memasukkan ke dalam akaun Maybank P. D juga ada mengirimkan cek berjumlah RM3,000 yang diposkan ke alamat tempat tinggal P, namun ia tidak dituntut dan cek telah dikembalikan (rujuk D4 a dan b). Setiap bulan D akan memasukkan duit untuk P dan anak-anak sejak tinggal berasingan. D memperuntukkan wang sebanyak RM2,000 atau RM3,000 sebulan untuk P dan anak-anak. D tidak menentukan jumlah nafkah kepada P, cuma wang nafkah yang disediakan tersebut D niatkan untuk P dan anak-anaknya. Sekiranya ada lebih, D akan bagi lebih apabila D berjumpa anak-anak. D juga memperuntukkan wang sebanyak RM4,000 kepada P dan anak-anak setiap kali musim perayaan. P tahu D memasukkan sejumlah amaun ke akaun P kerana D ada memaklumkan kepada P secara telefon dan sms. P tidak pernah meminta amaun tertentu sebelum kes ini dan P tidak pernah menyatakan bahawa nafkah atau duit tersebut tidak cukup untuk perbelanjaan dan keperluan beliau. P pernah enggan menerima bayaran nafkah yang dibuat oleh D melalui cek CIMB bernombor 782375 bertarikh 19 Mac 2012. D tidak G  
H  
I



- A pernah menetapkan jumlah tertentu untuk diri P sebagaimana yang dituntut oleh P sepanjang tempoh perkahwinan tersebut, D hanya memperuntukkan wang sebanyak RM2,000 hingga RM3,000 sebulan untuk P. Jika lebih daripada itu hanya untuk musim perayaan.
- B [160] D di dalam keterangannya ada melampirkan dokumen berkaitan bukti pembayaran nafkah kepada P iaitu:
- (a) cek berjumlah RM3,000 bertarikh 19 Mac 2012 yang ditanda sebagai IDD4d;
- C
- (b) resit berjumlah RM3,000 bertarikh 5 Jun 2012 yang ditanda sebagai D5;
  - (c) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 3 Julai 2012 yang ditanda sebagai D6
- D
- (d) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 15 Oktober 2012 yang ditanda sebagai IDD7;
  - (e) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 20 November 2012 yang ditanda sebagai IDD8;
- E
- (f) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 25 Disember 2012 yang ditanda sebagai D9;
  - (g) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 23 Januari 2013 yang ditanda sebagai D10;
- F
- (h) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 14 Februari 2013 yang ditandakan sebagai D11;
  - (i) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 17 Mac 2013 yang ditandakan sebagai IDD14a;
- G
- (j) slip pembayaran berjumlah RM2,000 bertarikh 15 April 2013 yang ditandakan sebagai IDD14b;
  - (k) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 9 Mei 2013 yang ditandakan sebagai IDD14c; dan
- H
- (l) slip pembayaran berjumlah RM2,000 bertarikh 7 Jun 2013 yang ditandakan sebagai IDD14d.
- I [161] Semasa disoal balas, D menjelaskan bahawa dokumen IDD4d tidak ditunai dan dipulangkan kepada D dan beliau yang tunaikan serta *bank-in* duit tersebut. D setuju bagi bulan Februari, Mac, April dan Mei 2012 tidak ada bukti. Dokumen D5 adalah duit dari cek yang *dicashkan*. Jumlah wang tersebut dimasukkan terus ke dalam akaun P yang diperuntukkan untuk keperluan semua termasuk P dan anak-anak. P tidak pernah tentukan untuk

keperluan anak-anak dan P. D tidak mengingati sama ada bertanya P atau tidak tentang duit tersebut cukup atau tidak. A

[162] D menyatakan dokumen D-6 adalah nafkah untuk bulan Julai 2012 dan semasa di MRS Petaling Jaya, beliau menggunakan resit yang sama untuk pembayaran nafkah anak. Bagi Ogos dan September 2012, D tidak ada bukti dan bagi Oktober serta November 2012 tidak jelas bukti resit tersebut. B  
Disember 2012, Januari 2013 dan Februari 2013 ada membuat bayaran kepada P. Bagi Mac 2013 sehingga Ogos 2013, D ada bukti untuk ditunjukkan kepada mahkamah. D tidak pernah tanya sama ada jumlah tersebut cukup ataupun tidak. Semasa disoal semula, D menyatakan bahawa beliau tidak C  
simpan resit-resit yang lain dan ada resit yang tidak terang. D tidak tentukan jumlah pecahan duit tersebut. Semasa memasukkan duit, P tidak pernah mengadu duit yang terima tidak cukup. D

[163] SD1 menyatakan bahawa D tidak pernah gagal atau cuai dalam menyediakan keperluan nafkah buat P dan anak-anaknya. D pernah menunjukkan resit-resit pernyataan bank yang beliau telah masukkan sejumlah nafkah buat P. Kebiasaannya D memperuntukkan nafkah buat P sebanyak RM2,000 hingga RM3,000 sebulan. Semasa disoal balas, SD1 menyatakan D ada menceritakan kepadanya dan menunjukkan resit-resit tersebut. Hanya sekali sahaja D tunjukkan resit dengan jumlah ada RM2,000 dan ada RM3,000. SD1 tidak pasti resit ini ke dalam akaun P dan selepas D disaman, baru D bagitau beliau dan tunjukkan resit-resit tersebut. SD1 tidak tahu jumlah peruntukan D kepada P dan tidak tahu sejak bila peruntukan nafkah diberikan kepada P serta tahu keperluan sebenar P. E  
F

[164] Peguam P menghujahkan bahawa sekiranya seorang suami meninggalkan isterinya tanpa sebarang sebab yang munasabah menurut hukum Syarak, suami tersebut hendaklah meninggalkan harta atau wang sebagai nafkah kepada isteri atau menghantar wakil sebagai gantinya memberi nafkah kepada isteri tersebut supaya hak isteri tidak teraniaya. Begitu juga kes yang berlaku antara P dan D ini, tiada barang yang ditinggalkan atau wakil yang dihantar oleh D untuk memberi nafkah kepada P selama D meninggalkan P selama 20 bulan. G  
H

[165] Peguam P menghujahkan bahawa telah jelas D wajib untuk membayar nafkah tertunggak kepada isteri sebagaimana yang dipohon oleh P selama 20 bulan bermula Januari 2012 sehingga Ogos 2013. Hal ini kerana, nafkah adalah suatu kewajipan ke atas suami kepada isterinya. Peguam P merujuk kepada: I

- (a) kitab *Al-Asbah Wa An-Nadhair Fi Qawaid Wa Furu'ie As-Syafie*, hlm 526 telah menjelaskan sebagaimana yang berikut:

- A** Maksudnya: Nafkah ke atas isteri adalah wajib (telah ditentukan), dan nafkah ke atas kaum kerabat adalah tanggungjawab. Nafkah ke atas isteri tidak akan gugur dengan berlalunya tempoh masa berbeza dengan nafkah kaum kerabat.
- (b) kitab *Raudah At-Thalibin*, hlm 480, yang menyatakan sebagaimana yang berikut:
- B** Apabila suami lemah menyediakan nafkah ke atas isterinya yang berkhidmat kepadanya, maka menurut pendapat Al-Imam As-Syafi'e di dalam kitab-kitabnya sama ada Qaul Qadim dan Qaul Jadid, sesungguhnya isteri boleh membuat pilihan sama ada dia hendak bersabar dan menafkahkan dirinya, atau, menafkahkan dirinya dan nafkah tersebut tertanggung ke atas suaminya sehingga suaminya menjadi senang, dan isteri juga jika dia hendak, ia boleh menuntut untuk memfasakhkan perkahwinannya.
- C**
- D** [166] Peguam P juga menghujahkan bahawa D wajib membayar nafkah tertunggak P selama 20 bulan D meninggalkannya apatah lagi D merupakan seorang yang berkemampuan untuk membayar jumlah tuntutan yang dituntut oleh P kerana ianya adalah dikira sebagai hutang D kepada P yang masih belum diselesaikan sehingga kes ini difailkan dan dibicarakan.
- E** [167] Peguam P menghujahkan bahawa sepanjang peninggalan D bermula Januari 2012 sehingga Ogos 2013, tiada bukti yang kukuh dan kuat yang dikemukakan oleh D kepada mahkamah yang mulia ini bahawa beliau memberikan nafkah kepada P pada Januari 2012, Februari 2012, Mac 2102,
- F** April 2012, Mei 2012, Ogos 2012, September 2012, Oktober 2012, November 2012, Disember 2012, Mac 2013, April 2013, Mei 2013, Jun 2013, Julai 2013 dan Ogos 2013. Adapun nafkah yang didakwa telah diberikan oleh D pada Jun 2012, Julai 2012, Disember 2013, Januari 2013 dan Februari 2013 kepada P adalah tidak mencukupi untuk perbelanjaan dan keperluan diri P.
- G** Apatah lagi D sendiri menyatakan bahawa wang yang diberikan tersebut adalah bersekali dengan nafkah untuk anak-anak sebagaimana kenyataan D di perenggan 16 affidavit keterangan D. Oleh itu, berdasarkan dakwaan D tentang jumlah nafkah yang telah dibayar oleh beliau kepada P, kami berpendirian bahawa jumlah yang boleh diambil kira oleh mahkamah adalah sebagaimana yang berikut:
- H**
- (a) sebanyak RM3,000 pada bulan Jun 2012 (D5);
- (b) sebanyak RM2,000 pada bulan Julai 2012 (D6);
- I** (c) sebanyak RM2,000 pada bulan Disember 2012 (D9);
- (d) sebanyak RM2,000 pada bulan Januari 2013(D10); dan
- (e) sebanyak RM2,000 pada bulan Februari 2013 (D11).

[168] Peguam P menghujahkan bahawa jumlah tersebut tidak boleh diambil kira sebagai nafkah kepada P (isteri) kerana jumlah tersebut telah digunakan oleh P untuk perbelanjaan anak-anak sahaja. Jumlah tersebut juga adalah di bawah paras sebenar nafkah anak yang sepatutnya diberikan oleh D iaitu sebanyak RM3,000 bagi dua orang anak mengikut persetujuan dan kemampuan D. Bayaran tersebut bukanlah bayaran nafkah D kepada P walaupun sepanjang perbincangan, D menyatakan bahawa P adalah seorang isteri yang *nusyuz* sedangkan P tidak pernah disabitkan *nusyuz* oleh mana-mana mahkamah di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa D masih lagi terhutang untuk membayar nafkah kepada P sehingga kini. Ketidacukupan pembuktian tersebut secara tidak langsung telah menimbulkan keraguan tentang kebenaran dakwaan D bahawa beliau telah memberikan nafkah secara konsisten kepada P sedangkan telah terdapat bukti yang menunjukkan bahawa D mampu untuk memberikan nafkah sebagaimana jumlah yang dituntut oleh P.

A  
B  
C  
D

[169] Peguam D menghujahkan bahawa pada tempoh tersebut nafkah kepada isteri telah dimasukkan ke akaun Maybank milik P. Selain itu, D juga turut menyediakan bayaran secara cek berjumlah RM3,000 yang diposkan secara berdaftar ke alamat tempat tinggal P iaitu di No 47-1, Challis Damansara, Jalan PJU 3/30, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, namun cek tersebut tidak dituntut dan dikembalikan. D dalam keterangannya juga menjelaskan bahawa kebiasaannya beliau memperuntukkan wang sebanyak RM2,000 atau RM3,000 sebulan untuk P dan anak-anak. D juga turut memperuntukkan RM4,000 kepada P dan anak-anak setiap kali musim perayaan. Malah, P turut maklum tentang kemasukan wang tersebut ke dalam akaun beliau kerana dimaklumkan oleh D secara telefon dan sms namun tiada *respon* dari P apabila wang tersebut diterima oleh beliau.

E  
F

[170] Peguam D menyatakan bahawa D dalam sepanjang tempoh perkahwinan tidak pernah menetapkan jumlah nafkah tertentu untuk diri P sebagaimana yang dituntut oleh P. Sepanjang tempoh perkahwinan tersebut, D hanya memperuntukkan wang sebanyak RM2,000 hingga RM3,000 sebulan untuk P. P juga tidak pernah mengungkit atau memaklumkan kepada D bahawa wang yang diperuntukkan tersebut tidak mencukupi. Oleh itu, semasa dalam tempoh tinggal berasingan, D masih memberikan wang dengan jumlah yang sama ketika mereka masih tinggal bersama. Jelas tidak timbul isu nafkah tertunggak sebagaimana dakwaan P pada bulan Januari 2012 sehingga Ogos 2013. D telah menjalankan tanggungjawabnya dengan memberikan nafkah secara konsisten mengikut cara yang bersesuaian dalam keadaan tertentu.

G  
H  
I

[171] Peguam D juga menyatakan bahawa selain daripada peruntukan atau penyediaan nafkah berbentuk wang, D juga turut menyediakan keperluan lain untuk P iaitu dengan menyediakan rumah yang mana P enggan ikut berpindah

- A** ke rumah tersebut. Rumah-rumah yang disediakan adalah beralamat di USJ One Avenue, Subang Jaya dan juga di Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Keengganan P untuk mengikut D berpindah adalah *qarinah* yang jelas menunjukkan bahawa tidak berlakunya tunggakan nafkah dari segi nafkah tempat tinggal P. D telah menyediakan rumah yang lengkap dengan keperluan
- B** asas termasuk utiliti-utiliti untuk tujuan nafkah tempat tinggal P. Namun, P yang enggan dan terus mendakwa D telah tidak memberi nafkah tempat tinggal terhadap P.
- C** [172] Mahkamah — D mendakwa bahawa beliau telah menunaikan tanggungjawab terhadap nafkah P dengan memasukkan wang ke dalam akaun Maybank P. Berdasarkan dokumentasi yang dikemukakan, D hanya berjaya membuktikan kemasukan wang ke dalam akaun P sebanyak RM11,000 iaitu bagi bulan:
- D** (a) sebanyak RM3,000 pada 5 Jun 2012 (D5);  
(b) sebanyak RM2,000 pada 3 Julai 2012 (D6);  
(c) sebanyak RM2,000 pada 25 Disember 2012 (D9);
- E** (d) sebanyak RM2,000 pada 23 Januari 2013 (D10); dan  
(e) sebanyak RM2,000 pada 14 Februari 2013 (D11).
- F** [173] Walau bagaimanapun D gagal membuktikan pembayaran tersebut disebabkan beberapa isu teknikal seperti dokumen kabur, tiada dokumen asal atau tiada dokumen. Bagi dokumen yang gagal dibuat penandaan ‘D’ dan masih kekal dengan status ‘ID’ adalah seperti:
- G** (a) cek berjumlah RM3,000 bertarikh 19 Mac 2012 yang ditanda sebagai IDD4d;  
(b) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 15 Oktober 2012 yang ditanda sebagai IDD7;
- H** (c) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 20 November 2012 yang ditanda sebagai IDD8;  
(d) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 17 Mac 2013 yang ditandakan sebagai IDD14a;
- I** (e) slip pembayaran berjumlah RM2,000 bertarikh 15 April 2013 yang ditandakan sebagai IDD14b;  
(f) resit berjumlah RM2,000 bertarikh 9 Mei 2013 yang ditandakan sebagai IDD14c;  
(g) slip pembayaran berjumlah RM2,000 bertarikh 7 Jun 2013 yang ditandakan sebagai IDD14d.

- [174] D gagal mengemukakan dokumen mengenai pembayaran bagi bulan tahun 2012 iaitu bagi Januari, Februari, Mac, April, Mei, Ogos dan September. Manakala bagi tahun 2013, D gagal mengemukakan dokumen bagi bulan Julai 2013. Berdasarkan situasi tersebut, mahkamah berpuas hati bahawa pada tahun 2012, D tidak membuktikan pembayaran bagi bulan Januari, Februari, Mac, April, Mei, Ogos, September, Oktober, November, manakala bagi tahun 2013, D tidak membuktikan pembayaran bagi bulan Mac, April, Mei, Jun dan Julai. Tiada bukti bahawa D telah memberi atau memasukkan RM4,000 untuk P dan anak-anak bagi sambutan hari raya. A
- [175] P di dalam keterangannya menyatakan bahawa D memasukkan duit secara tidak konsisten pada tahun 2012 ke dalam akaun Maybank beliau. Jumlah duit yang dimasukkan adalah di antara RM1,000 sehingga RM2,000. P mengakui bahawa sepanjang tahun 2013 dari bulan Januari sehingga Disember, D ada memasukkan duit ke dalam akaun P secara konsisten sebanyak RM2,000. B
- [176] Berdasarkan keterangan P dan D serta bukti dokumentasi, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa pada tahun 2012, hanya terbukti sejumlah RM7,000 telah dimasukkan ke dalam akaun P, manakala bagi tahun 2013, atas pengakuan dari P yang selari dengan s 17, 18 dan 45 EKMS 2003, terbukti D telah memasukkan duit secara konsisten ke dalam akaun P berjumlah RM2,000 selama tujuh bulan iaitu berjumlah RM14,000. Oleh itu, jumlah duit keseluruhan yang berjaya dibuktikan masuk ke dalam akaun P sejak Januari 2012 sehingga Julai 2013 adalah berjumlah RM21,000. Persoalannya sekarang ini, *adakah RM21,000 tersebut adalah untuk tujuan nafkah P atau untuk nafkah anak-anak atau untuk nafkah kedua-duanya?* C
- [177] Berhubung persoalan tersebut, P di dalam keterangannya menyatakan bahawa beberapa pembayaran dibuat dalam tempoh masa tersebut hanyalah untuk anak-anak semata-mata dan itupun tidak mencukupi sehingga P terpaksa menanggung kekurangan dan membuat tuntutan nafkah anak-anak di MRS Petaling Jaya. D tidak meninggalkan sebarang wang simpanan atau barang berharga yang boleh digunakan sebagai nafkah sepanjang tempoh masa tersebut. P menjelaskan semasa disoal balas bahawa duit-duit yang D masukkan ini tidak digunakan untuk P dan jumlah duit tersebut memadai untuk P dan anak-anak. P pernah bercakap dengan D ketika berjumpa dan melalui sms bahawa duit tersebut tidak cukup. D
- [178] Manakala D di dalam keterangannya menyatakan setiap bulan beliau memasukkan duit untuk P dan anak-anak sejak tinggal berasingan. D memperuntukkan wang sebanyak RM2,000 atau RM3,000 sebulan untuk P dan anak-anak dan tidak menentukan jumlah nafkah kepada P, cuma wang nafkah yang disediakan tersebut D niatkan untuk P dan anak-anaknya. P tidak E
- F
- G
- H
- I

- A pernah meminta amaun tertentu sebelum kes ini dan P tidak pernah menyatakan bahawa nafkah atau duit tersebut tidak cukup untuk perbelanjaan dan keperluan beliau. D tidak pernah menetapkan jumlah tertentu untuk diri P sebagaimana yang dituntut oleh P sepanjang tempoh perkahwinan tersebut dan D hanya memperuntukkan wang sebanyak RM2,000 hingga RM3,000
- B sebulan untuk P. Semasa disoal balas, P menyatakan bahawa D tidak mengingati sama ada bertanya P atau tidak tentang duit tersebut cukup atau tidak. Semasa di MRS Petaling Jaya guna resit yang sama untuk pembayaran nafkah anak. D tidak pernah tanya sama ada jumlah tersebut cukup ataupun tidak dan P tidak pernah mengadu duit yang terima tidak cukup.
- C
- D [179] Berdasarkan keterangan P dan D terdapat percanggahan mengenai penggunaan wang yang dimasukkan oleh D ke dalam akaun P, di mana D memasukkan duit tersebut untuk P dan anak-anak, sedangkan P menggunakan duit tersebut untuk anak-anak, bukan untuk dirinya kerana wang yang dimasukkan oleh D tidak mencukupi bagi anak-anak mereka. Oleh itu, bagi menyokong sama ada kenyataan P atau D, mahkamah perlukan kepada *qarinah* yang lain bagi mengesahkan kenyataan P atau D.
- E [180] Pada hemah mahkamah jumlah wang yang dimasukkan oleh D tersebut adalah merupakan merupakan nafkah kepada anak-anak P berdasarkan beberapa *qarinah* yang dikenal pasti iaitu:
- F (a) P mengakui bahawa beliau tidak menggunakan duit tersebut untuk dirinya, sebaliknya ia digunakan untuk keperluan anak-anak tersebut. Pengakuan P ini selari dengan peruntukan s 17, 18 dan 45 EKMS 2003;
- G (b) D di dalam keterangan utamanya menyatakan bahawa bahawa walaupun P tidak pernah disabitkan dengan kesalahan *nusyuz* dari segi undang-undang, namun P dalam tempoh perkahwinan merupakan isteri yang *nusyuz* dari sudut hukum Syarak kerana P gagal mentaati dan menurut kemahuan D sebagai suami yang sah. Apabila wujudnya anggapan D sebegini, maka jelaslah D telah menganggap P seorang isteri yang *nusyuz* dan tidak melayakkannya memperoleh nafkah daripada D. Oleh itu, semua duit yang dimasukkan oleh D melalui akaun P adalah untuk nafkah anak-anak mereka sahaja; dan
- H (c) D mengakui bahawa resit-resit yang dikemukakan di dalam ikatan dokumennya adalah merupakan resit-resit yang sama digunakan di dalam kes tuntutan nafkah anak. Jumlah resit-resit adalah antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan dan ia telah menjadi suatu sandaran kepada kadar nafkah anak diputuskan. Pada 26 Januari 2015, jumlah nafkah untuk 2 orang mereka diputuskan sebanyak RM3,000 melalui kes Saman No 10001-024-0010 Tahun 2012. Oleh itu, mahkamah berkeyakinan bahawa duit yang diberikan oleh D dalam tempoh tersebut adalah digunakan oleh P untuk anak-anak mereka.
- I

[181] Melalui tiga *qarinah* yang dinyatakan, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa duit yang dimasukkan oleh D berjumlah RM21,000 dalam tempoh Januari 2012 sehingga Julai 2013 adalah digunakan untuk anak-anak tersebut bukannya digunakan oleh P sebagai nafkah dirinya. Oleh itu, D masih bertanggungjawab untuk membayar nafkah P yang tertunggak sebanyak RM68,530.

A  
B

*Isu keempat: kewajaran kos diawardkan*

[182] P melalui pernyataan tuntutan memohon supaya kos guaman P ditanggung sepenuhnya oleh D. P di dalam keterangannya menyatakan bahawa D sewajarnya dikenakan kos di dalam tindakan ini kerana sekiranya beliau seorang yang bertanggungjawab, P tidak perlu memfailkan kes di mahkamah dan mengeluarkan kos guaman serta kos kehadiran yang membebankan beliau. Manakala D melalui pembelaannya bertarikh 7 April 2014 memohon agar mahkamah menolak tuntutan P dengan kos serta tiada sebarang keterangan D berhubung dengan isu kos ini.

C  
D

[183] Tiada hujahan dari peguam P, namun peguam D menghujahkan bahawa permohonan P wajar ditolak dengan kos disebabkan tidak wujud nafkah tertunggak dalam tempoh yang didakwa.

E

[184] Peruntukan tentang kos ini hanya dinyatakan secara umum dalam peruntukan s 222 ETMMS 2003 iaitu:

Tertakluk kepada Enakmen ini, mahkamah hendaklah, mengikut budi bicaranya, mengawardkan kos bagi prosiding yang difailkan di mahkamah itu walaupun mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa mengenai prosiding itu.

F

[185] Walau bagaimanapun, bagi membantu sesuatu prosiding taksiran kos di Negeri Selangor suatu Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun Dan Kos) 2006 telah diwartakan. Namun begitu, kaedah tersebut hanya memberi panduan tentang amaun dan perkara yang boleh dituntut di dalam sesuatu Bil Kos. Tiada penjelasan diberikan tentang jenis-jenis kos yang boleh dituntut oleh pihak-pihak atau diawardkan oleh mahkamah. Bagi kes ini, kos yang dituntut oleh P adalah kos guaman beliau ditanggung oleh pihak D.

G  
H

[186] Merujuk kepada peruntukan s 222 ETMMS 2003, ia merupakan peruntukan ini memberi ruang kepada budi bicara mahkamah untuk mengawardkan kos bagi prosiding yang difailkan walaupun mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa terhadap prosiding tersebut. Merujuk kepada keputusan bantahan awal yang terdapat di dalam kes-kes seperti *Azilawati bt Jusoh lwn Norashid bin Jeran* MTS Selangor (Kes Saman No 10300-028-0153 Tahun 2013), *Shasha Farina bt Mohd Shapie lwn Mustaffa Kamal bin Basir Ahmad* MTS Selangor (Kes Saman No 10300-023-0390 Tahun 2014),

I



- A** *Zuraidah bt Basar lwn Shamsul bin Ismail*, MTS Selangor (Kes Saman No 10300-017-0541 Tahun 2014), *Siti Nur Farhana Al-Akiti lwn Idral bin Hj Ariffin* MTS Selangor (Kes Saman No 10300-025-0512 Tahun 2012), *Linah bt Giason lwn Muhammad Fairuz bin Zainol* MTS Selangor (Kes Saman No 10300-026-0312 Tahun 2014) memberi sedikit panduan tentang kos guaman yang dipohon oleh P. Merujuk kepada kes-kes tersebut, YA hakim bicara telah mengawardkan kos guaman kepada pihak yang menang di dalam prosiding tersebut, di mana YA hakim bicara menyatakan bahawa:
- B**
- C** mahkamah berpendirian bahawa *suatu kos wajar diawardkan* kepada mana-mana pihak sama ada bagi permohonan interlokutori secara bertulis yang melibatkan apa-apa bantahan yang ditimbul oleh mana-mana pihak dan di mana-mana peringkat dalam prosiding kes induk tersebut. Asas pemberian pemberian kos ini adalah disebabkan;
- D**
- (a) ...
- (b) Pihak-pihak terpaksa memberi penumpuan kepada prosiding bantahan tersebut terutamanya melibatkan pengurusan pliding di mana Notis Permohonan, Afidavit Sokongan, Afidavit Jawapan, Afidavit Balasan dan Hujahan yang perlu disediakan; dan
- E**
- (c) Masa yang diperuntukkan untuk prosiding bantahan di mana sekurang-kurangnya ia melalui dua kali sebutan atau lebih sebelum bantahan tersebut dapat diputuskan.
- F** Kewajaran sesuatu kos diawardkan adalah bergantung kepada keputusan terhadap bantahan tersebut. Jika permohonan bantahan Plaintiff diterima maka Plaintiff layak untuk diawardkan kos, tetapi jika permohonan bantahan Plaintiff ditolak, maka Responden wajar diawardkan kos.

- G** [187] Bagi kes ini, mahkamah telah mengesahkan dan mensabitkan bahawa telah wujud tunggakan terhadap nafkah P selama tempoh ditinggalkan oleh D selama 19 bulan bermula Januari 2012 sehingga 4 Ogos 2013 berjumlah RM68,530. Bagi mendapatkan haknya, P terpaksa bersusah payah memfailkan kes tuntutan tunggakan nafkah beliau ini pada 14 Disember 2013 dan kes ini telah melalui sebutan dan perbicaraan sehingga melangkaui ke tahun 2016. P juga mengalami kesusahan dan kesulitan yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan untuk mendapatkan khidmat Peguam Syarie bagi membantu beliau tuntutan beliau tersebut. Memandangkan tanggungjawab memperuntukkan nafkah P tersebut adalah tanggungjawab D, di mana D telah mengabaikannya sehingga menyebabkan berlakunya tunggakan tanpa wujud sebarang halangan daripada pihak D serta tiada sebarang sabitan *nusyuz* oleh mana-mana mahkamah terhadap diri P.
- H**
- I**

[188] Melihat situasi tersebut, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa P sewajarnya diawardkan dengan suatu kos. mahkamah juga berpuas hati dengan permohonan P bahawa kos yang wajar diawardkan adalah dengan D

menanggung segala kos guaman yang telah dikeluarkan oleh pihak P bagi menghadapi prosiding tuntutan tunggakan nafkah isteri ini. **A**

[189] Bagi menentukan tuntutan P dan mengendalikan prosiding kes ini, mahkamah hanya bergantung kepada keterangan-keterangan yang diberikan oleh P, D dan saksi-saksi masing-masing serta dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh kedua pihak. Hal ini selaras dengan sabda Nabi SAW: **B**

Maksudnya: Kami menghukum dengan zahir, dan Allah menghukum yang tersembunyi. **C**

[190] Bagi menjalankan fungsi mahkamah terhadap kes ini, soal keadilan terhadap kedua-dua pihak adalah merupakan perkara yang diutamakan dan dititikberatkan. Ini bertepatan dengan peruntukan s 244 ETMMS 2003 iaitu: **D**

Tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyentuh kuasa sedia ada pada mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang perlu untuk atau mengelakkan penyalahgunaan proses mahkamah. **D**

[191] Perkara ini juga adalah bertepatan dan selari dengan firman Allah SWT dalam surah *An-Nisa'* ayat 58: **E**

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. **F**

[192] Menurut Al-Mawardi dalam kitabnya *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah*, hlm 90 menyatakan bahawa antara bidang kuasa mahkamah kadhi adalah untuk memastikan wujud suatu hukuman yang adil sepertimana berikut: **G**

Bermaksud: ... dan kesepuluh ialah untuk memastikan wujud hukuman yang adil dan saksama kepada semua pihak yang kuat dan yang lemah, memastikan keadilan diberikan dalam menghukum di antara orang yang dimuliakan dengan orang yang mulia ... **G**

[193] Justeru itu, demi menjaga dan memberi keadilan kepada P dan D, sukacita mahkamah nyatakan bahawa keputusan bagi kes ini adalah seperti berikut: **H**

#### KEPUTUSAN

[194] Setelah mahkamah meneliti dan berpuas hati dengan semua kertas kausa, keterangan dan hujahan pihak-pihak, maka dengan adalah dihakimkan seperti berikut: **I**

- (a) mahkamah meluluskan tuntutan tunggakan nafkah plaintif berdasarkan

- A** s 70 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003;
- (b) mahkamah memerintah bahawa nafkah plaintif yang telah tertunggak sejak Januari 2012 sehingga Ogos 2013 adalah berjumlah RM68,530;
- (c) mahkamah memerintahkan kos guaman plaintif bagi kes ini hendaklah ditanggung oleh defendan;
- B**
- (d) mahkamah memerintahkan pembayaran bagi terma ketiga dan keempat hendaklah diselesaikan oleh defendan dalam tempoh 45 hari dari tarikh perintah ini dikeluarkan.
- C** *Claim allowed with costs.*

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar

**D**

---

**E**

**F**

**G**

**H**

**I**